

BAB 2

Permasalahan Nilai dalam Budaya Politik Orang Melayu

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan beberapa definisi kepada konsep-konsep utama dan yang berkaitan dengannya dalam kajian. Di samping itu huraian juga dibuat mengenai kerangka teori yang digunakan bagi tujuan analisis kajian dan penjelasan mengenai kemerosotan undi yang dialami parti pemerintah dalam pilihan raya umum 1999. Teori ini turut menjelaskan perkembangan politik yang terjadi sebelum pilihan raya lagi. Pilihan raya 1999 merupakan peluang untuk menzahirkan nilai-nilai yang dipegang masyarakat Melayu dan ini diperhatikan dengan jelas di kawasan kajian. Penghuraian konsep dan teori berkenaan dijangka akan membolehkan permasalahan kajian lebih mudah untuk diterangkan.

Bagi tujuan kajian, konsep-konsep utama dan teori yang akan dijelaskan ialah:

- 1) budaya politik (*political culture*)
- 2) nilai dan nilai politik (*values and political values*)
- 3) teori penentangan dan senjata golongan lemah (*resistance and weapons of the weak*)

Sementara itu konsep-konsep lain yang berkaitan akan dijelaskan secara ringkas. Konsep-konsep tersebut ialah sistem politik, nilai Islam dalam politik dan nilai politik Melayu. Beberapa nilai politik yang telah dikenal pasti akan dihuraikan juga.

Turut dibicarakan ialah pendekatan mobilisasi sumber (*resource mobilization*) bagi menjelaskan bagaimana sesuatu badan bukan formal atau gerakan masyarakat seperti gerakan reformasi boleh lahir dan bergerak dalam masyarakat. Ia melibatkan penggembleran sumber-sumber terutama tenaga manusia untuk melakukan apa yang dihajati oleh mereka yang telah dikumpul atau dihimpunkan itu.

Teori yang digunakan untuk menganalisis dapatan kajian juga disentuh kerana ia dapat menjelaskan fenomena yang dikaji, iaitu memaparkan budaya politik Melayu bandar. Walaupun kajian ini merupakan satu kajian kes, aplikasi teori ini bagi menjelaskan budaya politik Melayu secara umum sepertimana lazimnya dalam mana-mana kajian kes boleh juga dilakukan.

2.2 Konsep dan Definisi

2.2.1 Sistem Politik

Sebelum melihat konsep budaya politik secara terperinci adalah wajar untuk diperhatikan apakah yang dimaksudkan dengan 'sistem politik' itu sendiri dalam mana beroperasinya satu budaya yang dikenali sebagai budaya politik.

Sistem politik ditakrifkan sebagai,

...any persistent pattern of human relationships that involves, to a significant extent, control, influence, power or authority (R A Dahl, 1991:4)

Takrif di atas jelas membayangkan bahawa sesuatu sistem politik akan melibatkan unsur-unsur kuasa, pengaruh dan kekuasaan. Penggunaan 'sistem'

bagi sains politik dikatakan dipinjam daripada Parsons yang telah memperkenalkan dan menggunakannya untuk menjelaskan idea tentang sistem sosial. Ramai ahli sains politik telah menggunakan konsep sistem politik ketika berbicara mengenai politik berdasarkan konsepsi Parsons ini (Parsons,1960).

Bagi kajian ini barangkali huraian yang diberikan oleh Almond (1956) boleh dijadikan panduan dalam memahami apa yang dimaksudkan sebagai sistem politik. Almond mentakrifkannya sebagai,

*a system of action ...the concept of system implies a totality of relevant units, on interdependence between the interaction of units and a certain stability in the interaction of these units. Thus a political system may be defined as a set of interacting roles, or as a structure of roles, if we understand by **structure** a patterning of interactions (393-394, penekanan dalam tulisan asal)*

Ringkasnya sistem politik adalah regim yang berkuasa berserta institusi yang menyokong dan berada di bawahnya, selain institusi-institusi di luar regim tersebut yang berperanan untuk menggantikan regim yang sedia ada.

2.2.2 Budaya Politik

The International Encyclopedia of Social Sciences (1968,Jld 16:218) mentakrifkan budaya politik (*political culture*) sebagai,

...the set of attitudes, beliefs and sentiments which give order and meanings to a political process and which provide the underlying assumptions and rules that govern behavior in the political system. It encompasses both the political ideals and the operating norms of a polity. Political

culture is thus the manifestation in aggregate form of the psychological and subjective dimension of politics. A political culture is the product of both the collective history of a political system and the life histories of the members of that system, and thus it is rooted equally in public events and private experiences

Huraian lebih terperinci mengenai budaya politik diberikan oleh Almond dan Verba (1963). Malah perbincangan mengenai budaya politik pastinya melibatkan pendekatan yang dikemukakan menerusi karya utama mereka iaitu *The Civic Culture*.¹

Sebelum buku ini diterbitkan, Gabriel Almond telah melontarkan idea mengenai budaya politik menerusi satu makalah berjudul '*Comparative Political Culture*' (1956). Penjelasan yang diberikan oleh mereka mengenai budaya politik dikemukakan dalam bentuk teori atau pendekatan bagi menjelaskan tingkahlaku politik.

Budaya politik dilihat sebagai aspek 'budaya' dalam sistem politik. Selain memberikan makna kepada budaya politik, gagasan budaya sivil (*civic culture*) turut dikemukakan sebagai satu bentuk budaya politik yang terdapat di negara yang mengamalkan demokrasi. Rujukan kepada budaya sivil tersebut adalah budaya politik di Amerika Syarikat dan model ini yang mengandungi satu set nilai diaplikasi pula terhadap sistem-sistem lain yang terdapat di beberapa negara yang dikenalpasti.

¹ - Salah satu perbincangan mengenai teori *Civic Culture* terdapat dalam makalah '*The Civic Culture at 30*' oleh David Laitin (1995)

Teori atau pendekatan yang dikemukakan mereka bukan sahaja mendapat sambutan dan dijadikan asas dalam mengkaji budaya politik malah turut menerima kritikan daripada sarjana-sarjana lain². Apa yang jelas ialah gagasan Almond-Verba ini memberikan satu pendekatan berguna bagi meneliti dan memahami konsep budaya politik.

Selain *The Civic Culture*, karya lain yang turut menjelaskan konsep ini ialah oleh Lucian Pye (1965). Tulisannya dalam *Political Culture and Political Development*³ memberikan penjelasan yang baik mengenai apa yang dikatakan sebagai 'budaya politik'.

Walaupun konsep serta definisi oleh Almond dan Verba telah digunakan secara meluas namun bagi kajian ini ia adalah kurang sesuai memandangkan tujuan kajian ini sendiri bukanlah untuk melihat kewujudan apa yang telah disebut sebagai budaya sivik. Lagi pun kajian ini tidak melihat amalan demokrasi yang terdapat di Malaysia sebagai fokusnya sepertimana menjadi asas perhatian dalam konsep budaya politik yang telah dipelopori Almond dan Verba itu.

Oleh itu bagi tujuan kajian ini definisi yang telah diberikan oleh Pye adalah lebih sesuai untuk digunakan bagi menjelaskan makna budaya politik. Di samping itu penjelasan tambahan turut diberikan agar definisi tersebut lebih mudah difahami. Antara penjelasan yang dikutip ialah oleh Verba dalam buku yang sama.

Pye (Pye dan Verba, 1965:7) menjelaskan bahawa,

2 - Antara yang menyokong dan terus menggunakan pendekatan budaya politik ialah Ronald Inglehart. Namun karya beliau memperlihatkan satu pendekatan baru terhadap konsep yang telah dikemukakan oleh Almond-Verba iaitu gagasan 'materialis-pasca materialis'. Pendekatan ini disebut di bawah. Lihat halaman 47

3- Disunting oleh Pye dan Verba (1965)

The notion of political culture assumes that the attitudes, sentiments, and cognitions that inform and govern political behaviour in any society are not just random congeries but represent coherent patterns which fit together and are mutually enforcing.

The concept of political culture assumes that each individual must in his own historical context, learn and incorporate into his own personality the knowledge and feelings about the politics of his people and community

Idea ini didukung oleh Verba (dalam Pye dan Verba, 1965:513) yang dalam satu tulisannya menegaskan,

The political culture of a society consists of the system of empirical beliefs, expressive symbols and values which defines the situation in which political action takes place

Beliau menambah lagi,

the system of beliefs about patterns of political interaction and political institutions. It refers not to what is happening in the world of politics, but what people believe about those happenings. And these beliefs ... can be beliefs as to the goals or values that ought to be pursued in political life (dalam Pye dan Verba, 1965:516)

Dalam penjelasan ini hubungan dengan politik atau tingkahlaku politik tidak disebut secara langsung. Pye turut menegaskan bahwa bagi seorang individu, budaya politik memberikan kepadanya panduan-panduan kawalan untuk menghasilkan tingkahlaku politik berkesan dan bagi kumpulan lebih besar ia memberikan satu struktur nilai serta pertimbangan-pertimbangan rasional yang sistematik dan yang memastikan prestasi institusi dan organisasi adalah stabil (Pye dan Verba, 1965:516)

Ciri paling utama sesuatu budaya politik ialah wujudnya orientasi terhadap politik di mana norma-norma spesifik dengan nilai-nilai umum saling berkaitan antara satu dengan yang lain (Verba dalam Pye & Verba, 1965:550).

Ringkasan Pendekatan Budaya Politik

Idea atau gambaran umum mengenai 'budaya' politik bukannya bermula dengan pembentangan gagasannya oleh Almond dan Verba malah dapat dikesan sejak permulaan abad yang lalu menerusi tulisan pemikir-pemikir Barat terkemuka.

Misalnya Alexis de Tocqueville pada awal abad ke 20 mengemukakan pendapatnya bahawa 'masyarakat diikat menerusi interaksi beberapa kepercayaan' (Street, 1994:95). Kemudian beberapa orang ahli antropologi menggunakan konsep tersebut secara longgar dalam kajian-kajian mereka. Antaranya Benedict (1934), Mead (1942, 1953), Gorer (1948, 1955), dan Banfield (1958).⁴

Sejak Perang Dunia Kedua, pendekatan budaya bagi menjelaskan fenomena berpolitik telah meresapi sains politik di Amerika Syarikat sepertimana diutarakan menerusi idea atau gagasan budaya politik seperti yang dikemukakan mula-mula oleh Gabriel Almond (1956). Almond telah berhujah bahawa sistem politik sesebuah masyarakat mengandungi budaya politiknya, di mana ia merangkumi pola-pola orientasi terhadap tindakan politik masyarakat tersebut.⁵

⁴ Lihat Bibliografi

⁵ Makalah bertajuk "Comparative Political Systems" diterbitkan dalam *Journal of Politics*, 18, No. 3, 1956, hal. 391-409

Pada dekad 70-an, lahir pula aliran baru dalam teori budaya politik. Ia dibentangkan oleh Ronald Inglehart (1977). Aliran ini mendapat dokongan ramai sarjana dan menjadi teori popular dalam kajian budaya politik mutakhir ini.

Menurut Inglehart, nilai-nilai yang mempengaruhi tingkahlaku politik boleh dibahagi kepada dua jenis - 'nilai materialis' (*materialist values*) dan 'nilai pasca-materialis' (*post-materialist values*). Masyarakat akan cenderung kepada nilai materialis pada peringkat awal kemajuannya. Ini akan berubah secara beransur-ansur apabila anggota masyarakat semakin banyak menikmati kemewahan dan kemajuan kebendaan. Ketika itu akan lahir pula kecenderungan baru untuk memberi keutamaan terhadap perkara-perkara yang bukan bersifat materialis iaitu seperti mendapat ketenangan dalam kehidupan terutama yang menyentuh hal-hal berhubung dengan alam sekitar misalnya. Gagasan ini dijelaskan secara terperinci dalam buku, *The Silent Revolution* (1977) karangan beliau. Pendekatan 'materialis - pasca materialis' merupakan satu cabang baru dalam kajian budaya politik yang telah dipelopori oleh Almond dan Verba sebelum itu.

Selepas terbitnya *The Civic Culture* (1965) dan karya kedua Almond-Verba, *The Civic Culture Revisited* (1989) boleh dikatakan ramai juga sarjana lain yang turut menggunakan pendekatan budaya bagi menjelaskan persoalan-persoalan berhubung dengan tingkahlaku politik. Antaranya ialah Pye (1965,1988), Inglehart (1977,1990), Diamond (1993) dan Eatwell (1997). Penelitian terhadap kajian-kajian yang menggunakan gagasan budaya politik anjuran Almond-Verba turut dikemukakan oleh Laitin (1995).

Budaya politik merupakan 'salah satu aspek penting yang terdapat di dalam budaya yang lebih luas' (Verba dalam Pye & Verba, 1965:521). Ia merupakan satu 'sub-set' atau pecahan kepada budaya masyarakat secara umum. Dalam IJSS, (1968:218) Pye menjelaskannya sebagai,

... the set of attitudes, beliefs and sentiments which give order and meaning to a political process and which provide the underlying assumptions and rules that govern behavior in the political system

Kesimpulannya, budaya politik didefinisikan sebagai, 'kepercayaan-kepercayaan, sikap, nilai, sentimen dan pemikiran utama sesuatu masyarakat terhadap sistem politik negara mereka dan peranan diri di dalam sistem tersebut' (Diamond, 1993:7-8). Ciri-ciri utama yang terkandung di dalam definisi ini ialah sikap, nilai, sentimen dan kepercayaan. Dengan itu kenyataan yang jelas ialah nilai menjadi komponen penting dalam budaya politik itu sendiri. Ini berarti tanpa mendapatkan gambaran dan pengesahan mengenai apakah nilai yang dipegang oleh masyarakat, budaya politik masyarakat tersebut tidak dapat diterangkan.

Budaya Politik dalam Kajian

Aplikasi pendekatan 'budaya politik' antaranya ialah untuk merangka teori (Almond & Verba, 1989:26). Verba menyatakan bahawa kajian tentang budaya politik berkemungkinan memberikan kita perspektif baru terhadap sejarah politik sesebuah negara,

'...the ways in which basic political beliefs are affected by the memories of political events...' (dlm Pye dan Verba 1965:515).

Umumnya kefahaman mengenai budaya politik dapat mengembangkan lagi pemahaman mengenai politik itu sendiri (Pye dan Verba,1965:515). Kajian tentang budaya politik turut membolehkan kita mengasingkan sikap dan nilai daripada elemen-elemen budaya yang lain dan juga meneliti sistem nilai secara umum. Di samping itu ia menentukan apakah nilai-nilai yang paling relevan dalam kehidupan politik.

Bagi kajian ini definisi yang diberikan oleh Pye di atas akan digunakan. Namun selain definisi Pye, sumbangan Almond dan Verba, turut digunakan bagi memperkukuhkan lagi gambaran mengenai budaya politik.

Definisi lengkap budaya politik ialah,

The political culture of a society consists of the system of empirical beliefs, expressive symbols and values which defines the situation in which political action takes place (Verba dlm Pye dan Verba,1965:513)

Bagi Pye (1965:10) budaya politik perlu memenuhi beberapa fungsi.

The concept of political culture also provides a useful basis for examining the links between social and economic factors and political performance. Through the socialization process which sustains and shapes the political culture of each generation we can observe the impact of not only the explicitly political but also all the relevant non-political dimensions of life in the conditioning and determining of political behaviour.

Budaya politik adalah satu konsep yang berguna untuk memahami dan menjelaskan perubahan politik dan proses modenisasi (Pye dan Verba,1965:515) Selain daripada itu konsep ini boleh juga menjelaskan gambaran berkaitan tingkahlaku politik,

...the concept of political culture helps to present a balanced picture of the relative importance of rational choice and consciously learned values and the more latent, non-rational determinants of human behaviour (Pye dan Verba,1965:10)

Namun bagi melihat sesuatu budaya politik komponen-komponennya perlulah menjadi fokus iaitu sikap, nilai, sentimen dan kepercayaan. Oleh itu saranan-saranan Pye di atas mengenai budaya politik seperti dalam tulisannya *Political Culture and Political Development* (1965) adalah paling sesuai bagi kajian ini.

2.2.3 Konsep Nilai

Bagi memahami konsep budaya politik komponen-komponennya juga perlu diberi perhatian. Bagi tujuan kajian ini konsep nilai, nilai politik dan nilai politik Islam akan dijelaskan. Oleh kerana terdapat andaian bahawa nilai yang dipegang oleh masyarakat yang dikaji menjadi sebab mengapa perubahan terjadi dalam membuat pilihan politik, penjelasan konsep-konsep tersebut akan membantu memberi gambaran mengenai kepentingan nilai dalam budaya politik.

Sebelum melihat apakah maksud nilai politik, terlebih dahulu makna nilai akan diberikan. Walaupun terdapat beberapa definisi mengenainya tetapi asas kepada nilai adalah seperti yang diterangkan oleh ahli psikologi terkenal, Rokeach (1973). Beliau mendefinisikan nilai seperti berikut.

A value is an enduring belief that a specific mode of conduct or end-state of existence is personally or socially preferable to an opposite or converse mode of conduct or end-state of existence (1973:5)

Sebelum itu beliau pernah menjelaskan bahawa nilai ialah,

... a type of belief, centrally located within one's total belief system about how one ought or ought not to behave, or about some end-state of existence worth or not worth not attaining (1968:124)

Di dalam **International Encyclopedia of the Social Sciences**, (Jld 16:283) Williams Jr telah meringkaskan makna nilai sebagai,

conceptions of the desirable, influencing selective behavior

Menurut seorang ahli antropologi, Clyde Kluckhohn (1959:397) pula, nilai ialah,

... a conception, explicit or implicit, distinctive of an individual or characteristic of a group, of the desirable which influences the selection from available modes, means and ends of action

Daripada kesemua takrif di atas bolehlah disimpulkan bahawa nilai mempunyai peranan dalam diri seseorang individu; ia merupakan anasir dalaman sebagai satu pegangan dalam sistem kepercayaannya mengenai bagaimanakah ia patut bertindak - nilailah yang memandu tingkahlaku. Ia menjadi piawai atau kriteria yang digunakan bagi menentukan sesuatu pilihan apabila seseorang itu berhadapan dengan keadaan di mana ia mempunyai pelbagai pilihan. Konsepsi mengenai apakah yang sesuai dan serasi dengan jiwa seseorang (*the desirable*) menjadi intipati kepada nilai itu sendiri.

Selepas mendapat gambaran mengenai nilai ia kemudiannya boleh diklasifikasi menurut bidang yang dikaji, iaitu bidang politik, sosial atau ekonomi. Namun ini tidak bermakna nilai perlu dikategori sebagai nilai sosial, nilai ekonomi atau nilai politik. Apa yang didapati ialah terdapat kecenderungan di kalangan beberapa sarjana untuk mentakrifkan nilai itu sendiri secara lebih khusus, misalnya sebagai nilai politik. Ini telah dibuat oleh Gyi (1983) dalam kajiannya ke atas masyarakat Burma. Ia bermakna nilai politik sekadar digunakan untuk tujuan penegasan semata-mata kerana nilai yang sama juga boleh mempengaruhi tindakan sosial misalnya. Nilai tersebut mempunyai peranan yang besar ke atas tingkahlaku politik dari segi kesan (tindakan) yang bakal dihasilkan oleh seseorang yang berpegang kepada satu set nilai politik tadi.

Kajian ini ingin melihat tingkahlaku politik, oleh itu nilai yang dizahirkan dalam aspek ini dinamakan 'nilai politik'. Penggunaan konsep nilai politik adalah semata-mata untuk memberikan penekanan kepada peranan nilai tersebut sebagai penentu kepada tindakan. Tujuan klasifikasi seperti ini dibuat agar memudahkan analisis nanti dan bagi menjelaskan bagaimana orang Melayu juga mempunyai nilai-nilai politik yang mempengaruhi tindakan mereka.

Dinamisme nilai dapat dilihat bukan sekadar kepada peranan nilai sebagai kriteria atau piawai untuk menentukan pilihan tetapi sebaliknya anasir luaran atau persekitaran itu sendiri boleh mengukuhkan lagi nilai yang dipegang ataupun sebaliknya menjadikannya lemah. Ini mungkin berkesudahan dengan nilai itu sendiri pupus dan diganti pula oleh nilai-nilai baru. Seperkara lagi ialah kemungkinan beberapa tingkahlaku dipengaruhi oleh hanya satu kepercayaan (atau nilai) dan

sebaliknya satu tindakan pula dipengaruhi oleh beberapa kepercayaan seperti yang disebut oleh Verba (dlm Pye dan Verba, 1965:524):

The same belief can be converted into action in a number of ways, just as the same action can have its roots in many alternate beliefs

Ini bererti terdapat hubungan timbal-balik antara nilai dengan tingkahlaku yang agak kompleks sifatnya. Disebabkan kajian ini tidak melihat persoalan perubahan nilai secara khusus, huraian mengenai proses perubahan nilai tidak disentuh di sini.

Islam dan Nilai Islam dalam Politik

Tujuan mengemukakan hubungan antara Islam dan nilai dalam tingkahlaku politik di sini hanya semata-mata untuk menunjukkan bagaimana tingkahlaku politik di kalangan masyarakat yang dikaji amat dipengaruhi oleh nilai-nilai Islam. Malah salah satu nilai yang akan diuji ialah nilai agama yang merujuk kepada Islam.

Dalam konteks kajian dan juga politik Melayu secara amnya, pertentangan berlaku antara dua parti utama Melayu iaitu UMNO dan PAS. Isu pokok atau faktor utama yang menjadi punca perbalahan antara kedua-dua parti tersebut ialah mengenai Islam.⁶

6 - Kajian mengenai pertentangan antara UMNO dan PAS telah banyak dilakukan. Salah satu kajian terkemuka ialah oleh Funston (1980)

Takrif dan penegasan mengenai nilai politik Islam diberikan kerana kehidupan orang Melayu banyak dipengaruhi oleh elemen agama, iaitu Islam. Nair,(1997:9) misalnya berpendapat bahawa,

Islam has long been a component of Malay political culture but it has represented a symbol of legitimacy for the ruling Malay party, United Malays National Organization (UMNO), from its formation.

Kedudukan nilai Islam dalam kehidupan orang Melayu tidak boleh diketepikan kerana fakta yang diterima ialah orang Melayu adalah beragama Islam⁷. Bagi menjelaskan makna nilai politik Islam, penelitian terhadap kajian dan tulisan yang berkaitan dengan kenegaraan Islam, politik Islam, sistem Islam dan perundangan Islam boleh memberikan gambaran jelas mengenainya.⁸

Bagi tujuan memberikan satu definisi ringkas mengenai apa yang dimaksudkan dengan nilai politik Islam beberapa tulisan mengenai topik-topik di atas telah diteliti dan kemudiannya rumusan telah dibuat.

Seorang sarjana el-Awa (1980: 91) menjelaskan konsep nilai politik Islam sebagai,

Nilai-nilai politik Islam berlandaskan kekuasaan perundangan atau mengikut ayat-ayat al-Quran dan Sunnah kerana keduanya adalah sumber asas kesemua undang-undang Islam dalam semua aspek kehidupan.

Takrif di atas menunjukkan bagaimana al-Quran dan Sunnah menjadi asas nilai politik Islam. Dalam sistem politik Islam nilai-nilai yang berasaskan kepada

7 Lihat Perlembagaan Persekutuan, Fasal 160

8 Sebahagiannya disebut dalam Bibliografi

Islam diterima sebagai kandungan sistem tersebut manakala yang lain daripada Islam dikeluarkan dari sistem itu.

Didapati juga bahawa takrifan nilai politik kurang diberi perhatian sebaliknya yang lebih banyak diperkatakan ialah mengenai sistem politik Islam itu sendiri. Ini termasuk perkara-perkara yang berkait dengan kenegaraan Islam, perundangan Islam dan masyarakat Islam.⁹

Dalam perbahasan semasa terutama antara UMNO dan PAS, persoalan-persoalan Negara Islam, pelaksanaan syariah atau perundangan Islam dan isu-isu lain yang menyentuh Islam seperti jihad dan murtad menjadi amat penting. Kesemua isu ini sebenarnya mencerminkan nilai-nilai Islam dalam politik orang Melayu. Dalam kajian ini beberapa konsep seperti ini telah pun dimasukkan dalam soal selidik untuk mendapatkan maklum balas responden.

Usaha merangka 'budaya politik Islam' telah dibuat misalnya oleh Price(1999) tetapi ia lebih merupakan usaha menyediakan satu indeks untuk menunjukkan di manakah beroperasinya apa yang dikatakan sebagai budaya politik Islam tadi di kalangan negara-negara Islam yang ada pada hari ini. Beliau cuba membuat pengelasan negara-negara ini supaya dapat menunjukkan manakah negara atau negara-negara yang dapat dikategorikan sebagai negara Islam yang ideal. Bagi mendapatkan takrif nilai politik Islam terlebih dahulu sistem politik Islam perlu difahami. Sistem politik Islam terbit daripada sistem Islam di mana,

...the absolute sovereign is God alone and by extension sovereignty belongs to His final revealed message of Islam as Muslims believe. However, the Islamic Holy Constitution has bestowed upon the Islamic Nation and upon

⁹ Antara lain ia dibincangkan oleh Muhammad Asad (1980), Mumtaz Ahmad (1986), Muhammad Shafique (1987), Lukman Thaib (1990), Esposito (1991) Abdul Rashid Moten (1996) dan Gailan Mahmood Ramiz (2000),

its leadership a special sovereign power to be exercised when necessary (Abdulrahman Abdulkadir Kurdi, 1984:37)

Definisi sistem politik Islam di atas memberikan gambaran jelas mengenai sumber kekuasaan di dalam sistem tersebut. Nilai politik Islam adalah nilai Islam yang berperanan dalam sistem politik Islam di mana nilai Islam itu sendiri terbit daripada prinsip-prinsip utama dalam al-Quran dan Sunnah. Dalam kajian, nilai Islam ini disebut sebagai nilai agama. Nilai tersebut mempunyai peranan yang luas dalam membentuk tingkahlaku politik Melayu.

Sebagai rumusan di sini, kajian mengenai budaya politik membolehkan kita memperolehi kefahaman yang lebih baik mengenai tingkahlaku politik sesuatu masyarakat. Ia melihat kepada anasir-anasir yang wujud dalam budaya secara khusus. Di dalam budaya sesuatu masyarakat terkandung 'kepercayaan, sikap dan nilai'. Kepercayaan, sikap dan nilai itulah juga yang terkandung dalam apa yang dipanggil 'budaya politik'.

Kajian-kajian mengenai budaya politik memang telah banyak dilakukan¹⁰ walaupun buat seketika teori mengenai budaya politik yang lebih popular menurut gagasan 'budaya sivil' (*civic culture*) yang dibentangkan oleh Almond dan Verba. Walaupun menerima kritikan¹¹ ia tetap menjadi tumpuan sebahagian pengkaji antaranya Inglehart yang mengemukakan pula teori 'materialis, pasca-materialis' nya (*materialist, post-materialist values*) seperti yang telah dijelaskan di atas tadi.¹² Pengunduran teori 'pilihan rasional' (*rational choice theory*) dalam menjelaskan

¹⁰ Lihat Bibliografi untuk sebahagian daripada kajian dan tulisan dalam bidang ini

¹¹ Lihat nota 1 di atas

¹² Hal 47

fenomena politik turut memberi nafas baru (*renaissance*)¹³ kepada teori budaya politik ini.

Nilai politik yang menjadi komponen penting dalam budaya perlu difahami bagi menjelaskan budaya politik sesebuah masyarakat. Dalam kajian ini takrif budaya politik yang dikemukakan oleh Pye digunakan. Selain itu, konsepsi yang diberikan oleh Verba seperti yang tersebut di atas turut menjadi panduan dalam menjelaskan konsep ini. Budaya politik yang dimaksudkan dalam konteks ini menyentuh secara langsung nilai yang dipegang yang mempengaruhi pilihan politik.

2.2.4 Nilai Politik Melayu

Setelah melihat konsep budaya politik, nilai dan nilai politik Islam, konsep seterusnya ialah mengenai nilai politik Melayu. Konsep ini masih terikat dengan sistem nilai Melayu itu sendiri di mana nilai politik tersebut perlu disaring daripada nilai-nilai dalam sistem nilai Melayu. Cara untuk mendapatkan senarai nilai ini ialah dengan meneliti kepustakaan mengenai politik orang Melayu.

Setelah meneliti tulisan dan kajian mengenainya, rumusan yang boleh dibuat di sini ialah terdapat beberapa nilai dalam sistem nilai Melayu yang boleh disebut sebagai nilai politik Melayu tadi. Bagi kajian ini, setelah meneliti kajian dan penulisan lain, nilai-nilai yang telah dikenalpasti ialah tradisionalisme, ketaatsetiaan, keselesaan dan keperluan untuk mendapatkan kemajuan, keperluan untuk membalas budi, aktivisme politik, UMNO perlu untuk keselamatan dan survival orang Melayu, keperluan untuk kepimpinan yang terbaik (kepimpinan terbaik), agama dan keadilan.

¹³ Lihat umpamanya Inglehart, (1988) 'The Renaissance of Political Culture'

Nilai-nilai di sini tidak disusun mengikut keutamaan kerana setelah meneliti kepustakaan mengenai politik Melayu dan daripada senarai di atas, dua nilai utama dapat dikenalpasti iaitu agama dan UMNO perlu untuk keselamatan dan survival orang Melayu. Selain huraian di bawah mengenai nilai-nilai yang telah dikenalpasti ini, dua nilai dasar ini turut diberi perhatian dalam bab 4, 5 dan 6.

(A) Tradisionalisme

Sebelum mentakrifkan tradisionalisme terlebih dahulu konsep tradisi dan tradisional perlu dihuraikan.

Tradisi dilihat sebagai,

...patterns of beliefs, customs, values, behaviour and knowledge or expertise which are passed on from generation to generation by the socialization process within a given population.(Smith,1986:279-280)

Tradisional pula merupakan apa yang diwarisi sama ada pola kepercayaan, adat, nilai dan tingkahlaku sejak sekian lama dan yang utamanya ia berlawanan dengan 'pemodenan' (Mann,1983:401)

Tradisionalisme merujuk kepada sesuatu yang 'tradisional' dan bersifat tradisi. Ia turut digunakan untuk menjelaskan sistem nilai yang dikenali sebagai sistem nilai tradisional. Gambaran yang diperolehi daripada ini - tradisionalisme - ialah bahawa dalam sistem tersebut terdapat beberapa nilai yang telah dipegang untuk sekian lama, di mana ia terus dipegang dan tidak berubah. Sistem ini antara lain dilihat sebagai sistem yang stabil, terus kekal untuk sekian lama dan bersifat sebagai,

Oleh itu tradisionalisme membayangkan unsur-unsur lama, unsur-unsur yang diwarisi turun temurun dan dipertahankan tanpa mengalami perubahan di samping amalan-amalan biasa yang terus dikekalkan. Selain itu ia turut memberi kesan dari segi tindakan iaitu menghalang perubahan kepada apa yang sedia ada.

Nilai tradisional yang disebut sebagai tradisionalisme ialah nilai-nilai yang berkaitan dengan amalan, kepercayaan dan adat yang diperturunkan sejak turun temurun dan diamalkan tanpa mengalami perubahan. Dalam konteks politik, sesuai dengan tujuan kajian ini, ia merujuk kepada sistem politik yang diwarisi, dipertahankan dan diteruskan daripada satu generasi ke generasi berikutnya.

Dalam konteks ini ia juga merujuk kepada pengekalan institusi politik bagi mewakili hasrat politik seperti parti politik, termasuk corak perjuangan yang diteruskan oleh parti tersebut. Lebih khusus lagi ia merujuk kepada UMNO dan amalan-amalan berpolitik yang terdapat di dalamnya. Ia berkait dengan elemen-elemen dalaman seperti cara pemilihan pemimpin, perjuangan yang mengekalkan bentuk-bentuk dan cara-cara lama dan mengekalkan institusi-institusi yang telah wujud untuk sekian lama.

Terdapat juga takrif lain mengenai tradisi yang tidak melihatnya sebagai sesuatu yang diwarisi zaman berzaman, tetapi melihatnya sebagai 'telah dibentuk semula' sepertimana diutarakan oleh Kessler (1993:142) atau konsep "*invented politics*" seperti yang disaran oleh Milner (1991) yang turut melihat tradisi yang terbentuk dalam arena politik.

Antara beberapa sarjana yang telah mengkaji persoalan tradisionalisme dalam arena politik di Malaysia ialah, Amoroso (1996), Milner (1991), Kessler (1993) di samping mereka yang membicarakan budaya politik Melayu secara umum seperti Chandra Muzaffar (1979), Funston (1980), dan Ariffin Omar (1993). Kandungan tulisan mereka banyak menyentuh tentang 'politik tradisional' dan 'tradisionalisme'.

Misalnya Amoroso (1996:i) yang menjelaskan peranan penjajah Inggeris dalam mengekalkan 'tradisi' berpendapat tindakan tersebut merupakan sesuatu yang ganjil kerana pada masa yang sama Inggeris telah mengubah asas-asas ekonomi, demografi dan politik Tanah Melayu,

It was the central paradox of colonial rule in the Malay states that while the economic, demographic and political foundations of the peninsula were transformed, the British sought to preserve Malay society in traditional form - overwhelmingly rural, politically docile and deferential to traditional aristocracies and royalties

Khusus mengenai unsur tradisional beliau menghuraikan lagi dengan menyebut,

Updating traditionalistic elements of Malay culture, such as loyalty, treason, deference and sovereignty, the ruling class successfully waged an ideological battle to determine the shape of the postcolonial state (1996:ii)

Dalam konteks politik Melayu elemen-elemen tradisional cukup ketara untuk diperhatikan. Ia merangkumi sistem politik yang diasaskan kepada sistem nilai dan budaya politik zaman Melaka seperti yang digambarkan dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Kedua-dua karya ini bukan sahaja membicarakan tradisionalisme tetapi menyerlahkan juga nilai-nilai lain seperti taatsetia dan budi yang turut akan dibincangkan di bawah nanti.

Termasuk dalam sistem nilai ini ialah beberapa nilai yang kini turut di bawa oleh UMNO. Malah ia merupakan parti politik Melayu yang paling lama bergerak di atas sentimen kebangsaan Melayu; satu sentimen yang telah sedia ada sejak sebelum parti itu ditubuhkan lagi. Malah UMNO sendiri menjadi satu tradisi kerana ia telah wujud sejak 1946 dan mewarisi adat, kepercayaan, sistem dan amalan-amalan lama di samping menjadi parti dominan Melayu dalam pakatan yang memerintah (Perikatan dan Barisan Nasional). Ia menjadi pilihan bagi sebahagian daripada orang Melayu kerana matlamat yang diwakilinya¹⁴

Kedua, UMNO turut mendokong tradisionalisme kerana ia menjadi institusi politik yang memiliki unsur-unsur tradisional politik Melayu yang terdapat di dalam amalan feudalisme misalnya. Oleh kerana UMNO menjadi parti yang mewakili tradisionalisme, perjalanannya turut berpegang dengan amalan-amalan tradisional - pemilihan pemimpin, taatsetia tanpa soal dan cara-cara memelihara kelangsungan parti - yang dilihat sebagai feodalistik¹⁵. Ini bermakna, nilai tradisionalisme dalam politik dirujuk kepada tradisi berpolitik, institusi yang meneruskan tradisi tersebut dan elemen-elemen adat dan budaya yang kekal dalam politik yang diamalkan untuk sekian lama.

(B) Ketaatsetiaan

Ketaatsetiaan boleh diletak di bawah kategori tradisionalisme kerana ia merupakan satu nilai yang diwarisi sejak sekian lama seperti mana telah disebut oleh Amoroso (1996) di atas. Namun disebabkan nilai ini telah diberi perhatian khusus oleh pengkaji lain¹⁶ dan menjadi tumpuan dalam kajian lain¹⁷ di samping tingkahlaku

14 - UMNO sendiri dilihat sebagai satu nilai dalam kajian. Lihat di bawah, halaman 69

15 - Mengenai feudalisme terdapat perbincangan yang relevan yang dibuat oleh Shahrudin Maaruf (1988)

16 - Terutamanya Chandra Muzaffar (1979)

17 - Misalnya Shohana Hussain (1999)

orang Melayu pula sering dikaitkan antara lain dengan taatsetia maka ia diberi perhatian yang khusus di sini. Malah beberapa persoalan yang berkait dengan tujuan kajian boleh dijelaskan dengan sekadar melihat nilai ini walaupun ia tidak mungkin menjelaskan keseluruhan fenomena dan masalah yang dikaji.

Trend yang terjadi untuk sekian lama - penerimaan terhadap UMNO dalam setiap pilihan raya yang diadakan - boleh dilihat sebagai gambaran bagaimana taatsetia dimanifestasikan dalam aspek politik. Apabila trend itu tercabar dalam pilihan raya 1999 adakah ia turut bererti taatsetia telah menjadi semakin pudar?

Ketaatsetiaan di sini merangkumi dua nilai iaitu taat dan setia. Ketaatsetiaan merupakan nilai yang wujud sejak dahulu lagi sepertimana termaktub dalam tulisan klasik *Sejarah Melayu*. Kajian yang agak terkemuka bagi menjelaskan taatsetia yang dizahirkan dalam politik orang Melayu ialah kajian oleh Chandra Muzaffar (1979).

Dari segi sejarah, taatsetia telah menjadi asas kepada sistem feodal. Kepatuhan, hormat, ketaatan dan kesetiaan adalah dikira mutlak untuk raja atau penguasa.¹⁸ Bertentangan dengan taatsetia ialah penderhakaan. Ini bermakna keengganan memberi ketaatsetiaan terhadap raja, pemerintah, atau ketua menjadi satu penderhakaan. Derhaka adalah kemuncak kepada nilai-nilai negatif dalam sistem politik tersebut.¹⁹

Cuma di sini taatsetia dan derhaka dilihat sebagai nilai-nilai yang mutlak. Dalam sejarah politik yang dipaparkan menerusi *Hikayat Hang Tuah* jelas nilai-nilai ini dianggap sebagai mutlak dan tidak boleh dicabar. Sebaliknya dialog

18 - Seperti yang dimanifestasi dalam legenda Hang Tuah

19 - Juga dipaparkan dalam legenda Hang Tuah - pantang orang Melayu derhaka pada raja.

Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun - dalam *Sejarah Melayu* - tidak menetapkan bahawa taatsetia itu adalah mutlak. Dalam *waadat* tersebut, jelas terdapat syarat yang mesti dipatuhi oleh kedua-dua pihak sekiranya mahu menjamin keharmonian hubungan antara pemerintah dengan yang diperintah.²⁰ . Namun dalam tulisan Chandra, begitu juga Shaharuddin nampaknya penekanan lebih diberi kepada taatsetia tanpa soal.

Berdasarkan kenyataan bahawa penjajah telah memelihara nilai tradisional seperti yang disebut oleh Amoroso di atas²¹ dalam konteks politik semasa, ketaatsetiaan adalah diberi kepada kerajaan yang ada sekarang. Ini turut bermakna ketaatsetiaan adalah diberi kepada Barisan Nasional sebagai pemerintah dan UMNO sebagai parti Melayu yang menjadi parti terasnya.

Oleh kerana ketaatsetiaan diberikan kepada UMNO dan bukan sekadar kepada kerajaan sebarang penderhakaan terhadap kerajaan akan bererti juga secara tidak langsung penderhakaan terhadap UMNO dan begitu juga sebaliknya. UMNO dan kerajaan tidak dibezakan dari segi pemberian ketaatsetiaan.

(C) Kesselesaian dan Keperluan untuk Mendapatkan Kemajuan

Nilai ini merujuk kepada keadaan material yang terdapat pada satu-satu ketika, iaitu kepuasan yang dicapai kerana menikmati tingkat kebendaan yang baik atau lebih tinggi daripada yang sedia ada.

20 - Lihat dialog tersebut dalam Shellabear (1975:19-20)

21 - Lihat nota 14 dan 15 di atas

Keselesaan adalah keadaan fizikal yang disenangi, yang melegakan, luas dan enak hasil pencapaian satu tahap ekonomi atau kebendaan yang memberikan keselesaan hidup pada seseorang. Keselesaan ini membebaskannya daripada himpitan, kesusahan dan keperitan hidup.

Keselesaan juga dikaitkan dengan keperluan untuk mendapatkan kemajuan kerana pencapaian kemajuan turut dilihat sebagai menyumbang kepada keselesaan. Kemajuan di sini merujuk kepada kemajuan kebendaan.

Di Malaysia, terutama di kalangan orang Melayu usaha untuk meningkatkan kedudukan ekonomi menjadi satu agenda penting sejak beberapa dekad yang lalu terutama dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB). Dasar ini memberi tumpuan kepada permasalahan ini.

Akibat daripada pelaksanaan dasar tersebut di samping kempen-kempen berterusan oleh pemerintah untuk memberi kesedaran tentang kepentingan mencapai kemajuan ekonomi telah mendorong masyarakat Melayu untuk mengejar dan menikmati kemajuan.

Pembangunan ekonomi dan kemajuan fizikal menyumbang kepada keselesaan hidup. Selain melihat sendiri pembangunan fizikal, orang Melayu turut memperolehi taraf hidup yang lebih tinggi dan ini telah menjadi pendorong untuk terus menambahkan lagi tahap kemajuan yang sedia ada.

Keselesaan dan keperluan untuk mendapatkan kemajuan menjadi agenda politik pemerintah dan parti yang menguasainya, iaitu UMNO. Oleh itu kemajuan turut dikaitkan dengan kerajaan yang memerintah.

Pemerintah yang diterajui oleh UMNO dilihat sebagai mempunyai kaitan langsung dengan pembangunan, kemajuan dan kesejahteraan hidup. Malah pemerintah mahu pun UMNO seringkali memperingatkan rakyat terutama orang Melayu bahawa pembangunan yang wujud, kemajuan yang dicapai dan kesejahteraan yang dinikmati adalah hasil daripada usaha-usahanya.

(D) Keperluan untuk Membalas Budi

Berdasarkan kepada apa yang telah dinyatakan oleh Wan Abdul Kadir budi menjadi nilai yang amat diutamakan dalam kehidupan bermasyarakat. Beliau menyebut,

Masyarakat Melayu telah membina tradisi budayanya sejak zaman berzaman berasaskan kepada kepentingan dan keperluan 'budi'. Pengertian 'budi' kepada orang Melayu meliputi suatu ruang yang luas yang menyatakan unsur-unsur kebaikan dan kehalusan mengikut nilai-nilai yang dipupuknya. Fenomena budi lahir dari akal pemikiran, hati dan perasaan yang mahukan sesuatu yang dianggap kebaikan dari seseorang (1993:26)

Kebaikan ini sangat dititikberatkan dalam hubungan antara individu dan kelompok. Malah ia telah dirakam dalam peribahasa-peribahasa Melayu. Misalnya peribahasa yang menyebut, "orang berbudi, kita berbahasa", yang memberi implikasi bahawa budi yang ditabur perlu dibalas. Individu digalakkan melakukan kebaikan. Selain itu ialah,

Pisang emas dibawa belayar, masak sebiji di atas peti,
Hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati

Dalam masyarakat Melayu budi menjadi nilai yang penting. Dalam konteks politiknya, keperluan untuk membalas budi mempunyai peranan yang amat

luas. Ia merupakan satu tingkahlaku khusus bagi menyatakan 'terima kasih' kepada si pemberi. Pemberian dalam pelbagai bentuk perlu dihargai dan diucapkan terima kasih kepada pemberinya. Si penerima dan si pemberi adalah saling berhubungan dalam konteks politiknya.

Lazimnya pemerintah akan menjalankan pelbagai aktiviti dan melaksanakan pelbagai rancangan pembangunan fizikal yang boleh dinikmati oleh rakyat. Ini juga merujuk kepada kemajuan dan keselesaan yang dinikmati yang menjadi nilai penting juga.

Perkembangan tersebut turut menimbulkan hubungan penaung-dinaung yang agak masyhur dalam aspek politik²³. Pihak pemerintah di satu pihak sebagai pemberi (penaung) dan rakyat di pihak yang lain sebagai penerima (dinaung) cuba mengatur satu bentuk hubungan yang memberikan keuntungan kepada kedua-dua pihak masing-masing. Yang memberi ialah orang politik, parti politik atau kerajaan (yang juga diwakili oleh parti politik berkenaan). Sementara yang menerima ialah individu atau rakyat secara umumnya.

Bagi melihat manifestasi nilai ini dua pihak - pemberi dan penerima - masing-masing perlu wujud terlebih dahulu. Pemberi dalam konteks ini ialah parti UMNO dan penerima ialah individu Melayu atau masyarakat Melayu secara amnya. Malah balasan kepada budi yang ditabur pernah diminta oleh pemimpin parti sepertimana kenyataan bekas Perdana Menteri (Dr Mahathir) beberapa bulan sebelum pilihanraya umum 1990,

**Dalam dunia ini orang yang bahagia adalah
orang yang tahu berterima kasih serta tahu berasa terhutang**

22 - Antara kajian yang membicarakan mengenai politik penaungan ini ialah oleh Mohd Ali Kamarudin (1998). Selain itu konsep penaung-dinaung oleh Norazil Selat (1984) turut memberikan gambaran jelas mengenai amalan tersebut

budi kalau dapat sesuatu. Saya berharap kali ini, mereka tidak menolak lagi parti Barisan Nasional (BN) kerana mereka sudah hidup lebih selesa daripada penduduk di luar bandar (Utusan Malaysia, 30 Julai 1990)

Daripada kenyataan di atas adalah jelas bahawa bagi kerajaan BN, keselesaan yang telah diberinya itu merupakan satu budi. Ini bermakna rasa 'hutang budi' mesti wujud sebagai satu manifestasi budaya. Hasilnya rakyat perlu 'berterima kasih' dengan menerima BN, iaitu mengundinya dalam pilihan raya. Jika ini tidak dilakukan rasa 'terhutang budi' akan kekal, barangkali sampai ke akhir hayat.

Hasil segala usaha, segala projek yang dilaksanakan, kemudahan yang disediakan termasuk peningkatan dalam tahap ekonomi, kesemuanya dianggap sebagai budi yang telah ditaburkan oleh kerajaan. Secara tidak langsung ia merupakan budi UMNO dan penerima budi tersebut sepatutnya membalasnya sepertimana petikan kenyataan Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO di atas.

Kenyataan Dr Mahathir itu juga menunjukkan bahawa bagi UMNO, kemudahan- kemudahan, kemajuan fizikal dan nikmat ekonomi hanya dapat dikecapi kerana adanya budi kerajaan - dan budi UMNO secara tidak langsung - oleh itu ia wajar dibalas. Disebabkan ia adalah budi UMNO, Barisan Nasional dan kerajaan yang dikuasainya juga perlu dibalas budinya. Cara membalas budi dalam konteks politik ialah dengan mengundi Barisan Nasional - secara tidak langsung mewakili UMNO - dalam pilihan raya. Dengan cara itu juga pengundi dianggap telah mengucapkan 'terima kasih' terhadap kerajaan.

Apa yang menarik mengenai nilai 'hutang budi' ini ialah kewujudannya di tempat-tempat lain di alam Melayu. Seorang sarjana, Agpalo (1973) telah mengkaji kompleks hutang budi ini di kalangan masyarakat Filipina dan

mendapati betapa hubungan-hubungan dalam sistem politik merupakan penjelmaan apa yang diistilahkan sebagai *pandanggo-sa-ilaw* - sejenis tarian popular di Filipina.

Tarian tersebut merupakan cara simbolik untuk mempamerkan amalan politik penaungan dalam masyarakat Filipina. Ekoran daripada amalan penaungan tersebut terhasil pula *utang na loob* (hutang budi). Ia merupakan hutang yang perlu dibayar melalui sokongan terhadap individu politik atau parti tertentu kerana individu atau parti tersebut telah berjasa atau membantu seseorang. Nilai 'budi perlu dibalas' atau 'budi dibalas budi' ini sebenarnya telah ditanam sejak kecil dalam masyarakat berkenaan.²⁴

(E) Aktivisme Politik

Aktivisme politik merupakan nilai yang menekankan keperluan untuk memberi sumbangan secara langsung menerusi keaktifan dalam sesuatu parti politik yang disertai oleh seseorang. Parti yang disertainya dan sumbangan tenaga yang dicurahkan kepada parti berkenaan ialah parti yang falsafah dan matlamat perjuangannya diyakininya. Selain itu ia turut melibatkan sebarang penglibatan aktif dalam kegiatan berunsur politik yang tidak semestinya dianjurkan oleh parti politik.

Aktivisme politik ini merupakan satu penglibatan secara langsung - ia bukan sekadar penyertaan yang pasif seperti menjadi ahli semata-mata. Antaranya ialah aktif dengan memegang jawatan dalam parti berkenaan. Ia turut melibatkan pemegang jawatan dalam badan-badan bukan kerajaan yang menjalankan aktiviti yang berbentuk politik. Menerusi jawatan yang disandang seseorang itu akan menyumbangkan tenaga dan fikirannya untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti yang dikira boleh memajukan parti atau pertubuhan berkenaan.

²⁴ - Lihat juga penjelasan mengenai *utang na loob* (atau *utang nga kahubut-on*) dalam Madigan (1969, Buku 1: 46c)

Aktivisme ini boleh diperhatikan pada pemimpin atau petugas parti yang melakukan pelbagai kerja parti bagi menyebarkan pengaruh partinya. Antara aktiviti parti yang dapat diperhatikan ialah penglibatan dalam kempen-kempen politik seperti dalam kempen pilihan raya, aktiviti penerangan kepada ahli dan masyarakat, menyebarkan risalah, majalah, akhbar dan penerbitan lain serta memasang poster atau sepanduk parti. Selain aktivisme melalui parti politik, ia boleh juga dimanifestasikan menerusi aktiviti-aktiviti lain di luar pertubuhan politik. Kegiatan badan bukan kerajaan seperti mengadakan bantahan terhadap sesuatu perkara atau isu misalnya termasuk dalam pengertian aktivisme tersebut. Aktivisme tidak terhad kepada parti-parti politik atau badan-badan bukan kerajaan malah melibatkan semua pihak yang mengambil tindakan terhadap sesuatu perkembangan atau isu yang dikaitkan dengan politik.

Dalam konteks kajian selain melibatkan diri secara aktif dalam parti politik, gerakan reformasi yang lahir selepas pemecatan Timbalan Perdana Menteri pada 2 September 1998 turut menggambarkan penyertaan yang aktif dalam satu isu yang berpunca daripada perkembangan politik ketika itu. Aktiviti-aktiviti yang diadakan atau menerusi gerakan reformasi tersebut boleh dianggap bukan sahaja sebagai aktivisme sosial malah lebih penting lagi sebagai aktivisme politik.

(F) UMNO Perlu untuk Keselamatan dan Survival Orang Melayu

Kenyataan ini bermakna bahawa UMNO menjadi satu nilai politik kerana peranan parti tersebut dalam politik orang Melayu. UMNO menjadi parti teras dalam pemerintahan negara. Oleh kerana itulah menerusinya keselamatan dan survival orang Melayu dianggap telah diperjuangkan dan seolah-olah melahirkan perasaan lega bahawa keselamatan dan survival orang Melayu tersebut telah

dipertahankan. Keadaan ini membayangkan bahawa nama UMNO itu sendiri sudah cukup untuk menggambarkan nilai yang berkait dengan aspirasi orang Melayu. Aspirasi dan kehendak ini boleh dirumuskan sebagai keperluan-keperluan untuk mencapai dan memelihara perpaduan (perpaduan nasional dan perpaduan Melayu), keselamatan dan survival orang Melayu. Ini bermakna tiga nilai sampingan turut terangkum dalam UMNO sebagai parti teras - perpaduan, keselamatan dan survival orang Melayu.


Nilai-nilai lain sebelum ini juga telah dikaitkan dengan UMNO seperti tradisionalisme, ketaatsetiaan, keperluan mencapai keselesaan dan kemajuan dan keperluan membalas budi. Ini bermakna dalam konteks kajian, UMNO menjadi pusat kepada nilai-nilai lain seperti yang disebutkan ini yang semuanya berkisar padanya seperti mana digambarkan dalam Rajah 2.1 di bawah.

Bagi tradisionalisme, UMNO dilihat sebagai salah satu unsur tradisional dalam politik orang Melayu iaitu sebagai institusi politik yang telah diwujudkan atas semangat kebangsaan Melayu 58 tahun yang lalu. Di dalamnya terdapat amalan-amalan politik tradisi yang diwarisi sejak sebelum kedatangan penjajah lagi terutama amalan-amalan yang berkait dengan feudalisme.

Penerimaan pelbagai kemudahan dan kemajuan yang dicapai turut dilihat sebagai sumbangan UMNO kepada orang Melayu. Disebabkan budi tersebut, orang Melayu dilihat wajar membalasnya dengan memberi sokongan kepada UMNO - mungkin dengan menjadi ahli atau sekurang-kurangnya memberikan undi kepada Barisan Nasional dalam pilihan raya. Pemberian undi dalam pilihan raya adalah amat kritikal kepada UMNO kerana secara langsung ia akan menunjukkan sama ada

UMNO itu relevan atau tidak sebagai nilai dalam masyarakat Melayu; iaitu nilai yang memelihara keselamatan dan survival orang Melayu.

Rajah 2.1
UMNO dan Kompleks Nilai



Oleh itu dalam konteks nilai ini, UMNO menjadi parti yang sangat penting - sebagai teras kepada politik negara - yang dikira mesti terus wujud. Kewujudan parti ini dilihat sebagai mempunyai fungsi amat penting iaitu memenuhi hasrat, kehendak dan matlamat politik orang Melayu.

Berhubung dengan persoalan 'survival' orang Melayu, di sini ia boleh disimpulkan di dalam apa yang disebut sebagai "Agenda Melayu". 'Agenda' ini ialah suatu perancangan atau wawasan bertujuan memastikan kemajuan ekonomi dan sosial orang Melayu mencapai tahap yang tinggi di samping memastikan kuasa politik terus dipegang oleh orang Melayu. Menerusi kuasa politik tersebut dasar-dasar

akan dibentuk dan dilaksanakan bagi memenuhi agenda ini. Agenda Melayu telah diungkapkan oleh Rais Yatim (1999:14) sebagai

Segala kepentingan yang bakal menjadikan Melayu-Bumiputera tumpuan dan penerima hasil pembelaan oleh kerajaan memandangkan kedudukan kaum tersebut masih terpinggir akibat keciciran ekonomi.

Di sini survival dilihat sebagai amat bergantung kepada keutuhan UMNO. Keutuhan parti ini dilihat mampu memenuhi pengisian agenda Melayu. Ini tidak bermakna parti politik Melayu lain tidak dapat memenuhi peranan tersebut. Keadaan ini terjadi hanya secara kebetulan - UMNO sedang berkuasa dan telah pun berkuasa sejak sebelum kemerdekaan lagi menerusi Perikatan (*Alliance*).

Oleh itu UMNO telah menjadi teras kepada kerajaan itu sendiri. Disebabkan kerajaan yang memerintah mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan dasar-dasar yang dapat memenuhi kehendak orang Melayu, UMNO sebagai teras negara atau kerajaan dilihat sebagai mempunyai peranan untuk memastikan agenda Melayu itu tercapai. Sama ada UMNO terus memenuhi peranan itu atau tidak pada masa ini bukan menjadi persoalan di sini kerana selepas penubuhannya dan tahun-tahun awalnya ia dilihat melaksanakan dasar-dasar yang bertujuan memenuhi kehendak tersebut.

Oleh itu UMNO sebagai teras politik negara dilihat sebagai satu keperluan untuk memelihara keselamatan dan menjamin survival orang Melayu. Ia juga berkait rapat dengan tanggapan orang Melayu mengenai pemerintah atau kerajaan. Pemerintah/kerajaan dilihat sebagai penguasa atau pihak yang mempunyai kuasa ke atas diri mereka yang perlu mendapat kepatuhan dan kesetiaan daripada

rakyat khususnya orang Melayu sendiri, sepertimana telah dijelaskan di bawah 'ketaatsetiaan' di atas. Malah mengenai aspek ini Moore (1960:61) berpendapat,

As a communal party, UMNO, of course, derives its strength from the 'political culture' of the Malay community

Barangkali budaya politik yang disebut itu merujuk kepada konsep taatsetia dan membalas budi UMNO.

(G) Kepimpinan yang Terbaik (Ideal)

Kepimpinan dalam konteks politiknya adalah persoalan yang berkait rapat dengan pemerintah, iaitu siapa yang memerintah - yang dahulunya disebut sebagai raja. Kepimpinan pula perlu dilihat sebagai yang terbaik dan ini merujuk kepada keperluan untuk mempunyai bentuk kepimpinan yang mempunyai ciri-ciri atau sifat-sifat yang memenuhi kehendak masyarakat sebagai kepimpinan terbaik.

Bagi memenuhi kriteria kepimpinan terbaik, beberapa ciri khusus telah dikemukakan. Ciri-ciri tersebut ialah berhemah tinggi, bersih, kuat pegangan agama, tegas, bijaksana, rendah diri dan sentiasa menitikberatkan kebajikan rakyat.

Selain melihat ciri-ciri ini secara abstrak, kepimpinan yang terbaik turut dilihat secara spesifik pada individu-individu yang memegang jawatan-jawatan politik iaitu jawatan sebagai pemimpin negara mahu pun pemimpin masyarakat Melayu itu sendiri. Kepimpinan sebegini bukan sekadar terdapat dalam kerajaan malah di luarnya.

Dalam konteks politik Melayu semasa, kepimpinan melibatkan mereka daripada kedua-dua parti politik Melayu, iaitu UMNO dan PAS. Oleh itu ciri

tambahan boleh juga dikemukakan sebagai contoh kepimpinan terbaik yang dihasratkan, iaitu ciri 'ulama'. Ini bermakna konsep kepimpinan terbaik boleh juga dilihat pada ulama sebagai kepimpinan yang mewakili aspirasi agama.

Turut dikaitkan di sini ialah ciri 'kukubesi' - bukan kukubesi dalam ertikata sebenar tetapi mempunyai kecenderungan '*authoritarian*', sepertimana dinyatakan oleh Crouch (1993) dalam menjelaskan sistem pemerintahan di Malaysia. Bagaimana ia ditanggapi - sama ada baik atau buruk - adalah satu persoalan yang perlu dipastikan. Ciri ini dianggap wujud pada seseorang pemimpin yang kelihatan mempunyai sikap yang 'keras'. Selain itu sifat sederhana juga menjadi sifat atau ciri bagi kepimpinan yang baik. Senarai ciri yang dikemukakan dalam kajian ini mengenai kepimpinan terbaik dipastikan melalui pembacaan kajian dan penulisan yang menyentuh persoalan ini.

Kesimpulannya kepimpinan yang terbaik dilihat pada ciri-ciri atau sifat-sifat yang patut ada pada seseorang pemimpin. Selain itu ia merujuk terus kepada ciri-ciri dan sifat-sifat tersebut pada pemegang-pemegang jawatan dalam kepimpinan parti, kerajaan ataupun di luar kerajaan.

(H) Agama

Agama sebagai nilai penting dalam masyarakat Melayu tidak dapat disangkal kerana identiti Melayu itu sendiri adalah bergantung kepada agamanya. Malah agama, iaitu Islam, menjadi asas pokok kepada sistem nilai masyarakat Melayu itu sendiri.

Mengenai identiti Melayu, Perlembagaan Persekutuan dalam Fasal 160 (2) memperuntukkan bahawa seseorang Melayu itu 'adalah seorang yang menganuti agama Islam, lazimnya bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan adat resam Melayu' Ini bererti agama Islam adalah satu daripada tiga elemen yang melayakkan seseorang itu dipanggil Melayu.

Terlalu banyak kajian atau tulisan menyentuh mengenai kepentingan agama dalam masyarakat Melayu. Antaranya oleh Winstedt (1947), Syed Husin Ali (1979), Fadhullah Mohd Jamal (1988), Husin Mutalib (1993), Nair (1997), dan Syed Ahmad Hussein (2002).

Agama bukan sahaja menjadi satu nilai tetapi turut melahirkan nilai-nilai lain yang menjadi pegangan orang Melayu. Misalnya Wan Abdul Kadir menyatakan, "Islam merupakan asas penting kepada pembentukan budi Melayu"(1993:27). Di tempat lain beliau menyebut,

Sistem nilai yang berbina dalam masyarakat
Melayu berteraskan kepada Islam (2000:vi)

dan juga

"Islam mempunyai tapak yang kukuh dalam
perkembangan budaya Melayu" (2000:20)

'Agama' di sini merujuk kepada agama Islam. Dalam konteks sekarang, malah sejak kebangkitan semula Islam, makna 'agama' mula dilihat lebih daripada hanya amalan-amalan ritual semata-mata. Malah kebangkitan ini memberi pelbagai implikasi terhadap hubungan dalam masyarakat Islam sehingga terjadi dua kelompok politik yang berpegang kepada fahaman mereka masing-masing mengenai Islam. Perbalahan dan persaingan menjadi natijah daripada perbezaan tersebut sehingga perbahasan mengenai Islam mengambil tempat utama dalam hubungan

antara dua parti Melayu iaitu UMNO dan PAS. Tambahan pula UMNO dan PAS masing-masing mewakili dua kelompok yang berbeza atas isu Islam ini.

Ini bermakna takrif dan amalan agama dizahirkan mengikut kefahaman mereka masing-masing. Perbahasan, pemberian makna kepada 'Islam' atau 'agama' dan persoalan perbalahan antara dua parti ini telah dibincang dengan lebih terperinci oleh Syed Ahmad Hussein²⁵.

Tanpa membahaskan perbezaan-perbezaan yang diutarakan itu, bagi tujuan kajian ini 'agama' akan ditakrif sebagaimana ia difahami oleh masyarakat Melayu secara amnya dan merangkumi kedua-dua aliran sama ada yang berpegang kepada fahaman ritualistik ataupun lebih menyeluruh merangkumi apa sahaja aspek kehidupan, termasuk sebagai panduan berpolitik atau disebut *political Islam*. Barangkali dua aliran ini dapat diterangkan secara ringkas, sebagai aliran tradisional dan aliran Islamis.

Aliran tradisional berbentuk ritualistik yang tidak melihat kepentingan politik Islam sebagai sebahagian daripadanya sehingga lahir kenyataan 'agama dan politik tidak boleh dicampurkan'. Aliran Islamis pula diwakili oleh mereka yang membawa mesej bahawa Islam adalah sesuatu yang komprehensif sepertimana diterangkan di bawah,

Not only a religion or a name of beliefs or certain forms of worship, it is, in fact, a way of life, a complete code for the guidance of the individual's entire life... (Lukman Thaib, 1990:1)

24- Syed Ahmad Hussein (1999). Pertentangan antara kedua-dua parti ini juga menjadi perhatian Kessler (1978) dan Funston (1980) antara lainnya.

(J) Keadilan

Keadilan boleh dilihat sebagai 'sifat yang adil' di mana adil diertikan sebagai perkara yang berdasarkan pertimbangan (peraturan, ketentuan dan lain-lain) yang wajar dan berpatutan, tidak memihak dan tidak sewenang-wenang. Keadilan bukan sahaja menjadi nilai penting dalam masyarakat Melayu sepertimana digambarkan dalam pepatah, 'Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah', malah turut diutamakan dalam Islam.

Dalam Islam keadilan begitu ditekankan sehingga ajaran asas di dalamnya memberi amaran supaya seseorang Islam bukan sahaja tidak berbaik-baik dengan orang yang zalim, malah tidak boleh cenderung kepadanya sekalipun,

Jangan kamu cenderung kepada orang-orang
yang zalim nanti kamu akan disentuh api neraka (al-Qur'an,
11:113)

Malah dalam khutbah hari Jumaat diselitkan nas al-Qur'an agar manusia berlaku adil dan bertindak dengan penuh ihsan. Banyak lagi ketetapan dalam Islam yang menuntut supaya keadilan sentiasa ditegakkan.

Dalam konteks politik semasa, keadilan diperhatikan berdasarkan kepada tindakan-tindakan politik yang dilakukan oleh pihak-pihak yang terbabit - sama ada pemerintah atau pembangkang. Dalam konteks kajian pula, ia merujuk secara khusus kepada apa-apa tindakan politik pihak berkuasa, iaitu pemerintah, terhadap penentang atau musuh politiknya. Tindakan tersebut dinilai sama ada ia adil atau sebaliknya. Pemerintah merujuk kepada parti yang menguasai kerajaan iaitu Barisan Nasional atau UMNO. Oleh itu tindakan UMNO terhadap musuh politiknya

misalnya dalam peristiwa 2 September 1998²⁶ turut meletakkan nilai keadilan sebagai nilai utama bagi melihat sama ada telah berlaku keadilan atau sebaliknya.

2.2.5 Protes

Gejala protes merupakan satu fenomena yang lumrah dalam sistem politik. Protes boleh dimanifestasikan dalam banyak cara. Antaranya ialah,

membuat aduan, tidak mengiktiraf, menentang, memperlihatkan ketidaksediaan menerima dan mengambil tindakan balas (Mohd Isa Othman,1999:1)

Mohd Isa Othman turut menyatakan bahawa protes yang dimanifestasi dalam bentuk gerakan secara tidak langsung dilakukan 'dalam bentuk popular'(Mohd Isa Othman,1999:4). Antara cara tidak langsung tersebut ialah 'berpindah atau berhijrah ke kawasan selamat'(Mohd Isa Othman,1999:4). Selain daripada itu ialah unsur sabotaj sebagai cara melakukan protes²⁷

Menurutnya lagi 'protes dalam bentuk kolektif mengambil bentuk yang lebih jelas. Kemunculan aksi kolektif mungkin didorong oleh timbun-tambah perasaan tidak puas hati dalam masyarakat...'(Mohd Isa Othman,1999:5)

Seorang lagi sarjana melihat gejala protes sebagai mempunyai ciri-ciri tertentu hasil perkembangan sejarah dengan kehadiran kuasa luar seperti penjajahan misalnya,

*In defying or resisting authority the movements
of agrarian unrest expressed commitments which were deeply*

25 -Peristiwa ini ialah pemecatan Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan UMNO.

26 -Dalam kajian beliau, Scott (1985), mendapati salah satu cara penentangan ialah dengan melakukan sabotaj. Ini telah dilakukan oleh penduduk kampung terhadap pagar kayu yang bertujuan menghalang lori memasuki kawasan di mana padi yang baru dituai disimpan

rooted in traditional society and they were engendered by traditional groups which radically rejected any change in the direction of modernity. Colonial rule, however, had brought irresistible social change in its wake and had thus created the potentialities for increased group conflict. People who had suffered from social disorganization created by colonial rule were more readily drawn into protest movements. (Kartodirjo,1973:186)

Kartodirjo berujah bahawa perubahan sosial yang mendadak menghasilkan konflik antara kumpulan dan menjadi tapak bagi melahirkan gerakan-gerakan protes. Protes turut menjadi fokus perbincangan Scott (1985). Dalam kajiannya beliau mendapati penentangan oleh golongan lemah²⁸ sebagai satu protes terhadap layanan yang diterima daripada golongan yang berkuasa dari segi politik dan ekonomi. Protes tersebut dizahirkan bagi menyatakan perasaan tidak puas hati mereka yang berpunca daripada perubahan struktur ekonomi. Ini melahirkan dua kelas ekonomi yang dipisahkan oleh jurang yang amat besar.

2.3 Mobilisasi Sumber (Resource Mobilization)

Mobilisasi sumber digunakan di sini hanya sebagai satu pendekatan untuk menjelaskan bagaimana perasaan marah dan kecewa digembleng sehingga boleh melahirkan satu gelombang di kalangan rakyat yang bangkit menyatakan protes dan penentangan. Gelombang rakyat ini pula kemudiannya bertindak melakukan penentangan dengan tersendiri iaitu dengan menggunakan 'senjata-senjatanya' yang tersendiri.

Intipati kepada pendekatan ini ialah pengemblengan sumber. Pelopor-pelopor pendekatan ini, McCarthy dan Zald (1977:1213), merumuskannya sebagai,

27 - Siapakah golongan 'lemah' tersebut diuraikan di bawah 'kerangka teori'. Lihat halaman:84 di bawah

The resource mobilization approach emphasizes both societal support and constraint of social movement phenomena. It examines the variety of resources that must be mobilized, the linkages of social movements to other groups, the dependence of movements upon external support for success, and the tactics used by authorities to control or incorporate movements.

Ringkasnya pendekatan ini menyentuh secara langsung mengenai pergerakan-pergerakan sosial. Pergerakan sosial tersebut adalah penting bagi merealisasikan matlamat yang hendak dicapai. Pergerakan sosial melibatkan aktivis, hubungan antara mereka dan strategi-strategi yang diambil di dalam pergerakan tersebut.

Mobilisasi sumber menekankan bagaimana kumpulan atau pergerakan diurus dan kejayaannya mengumpul sumber-sumber yang diperlukan. Seperti kata McCarthy dan Wolfson (1996:1070):

How resources are mobilized - people, money and legitimacy

Namun bukan semua yang dituntut dalam pendekatan ini dapat diaplikasi dalam kes gerakan reformasi kerana gerakan tersebut bukanlah menjadi satu organisasi yang berstruktur jelas dengan mempunyai pemimpin dan matlamat-matlamat yang khusus. Memang gerakan tersebut menghimpunkan mereka yang mempunyai idea dan hasrat yang sama tetapi persamaan ini masih belum dapat dikatakan sebagai persamaan yang jelas atau dipersetujui bersama oleh semua yang menjadi ahli kepada gerakan ini.

Keahlian dalam gerakan reformasi juga tidak diinstitusikan malah ia bergantung kepada sesiapa sahaja yang berhasrat atau berminat untuk bersama dengannya dan begitu juga boleh meninggalkan gerakan tersebut kemudiannya. Tanpa satu ikatan formal menerusi pembentukan organisasi berserta kepimpinannya, gerakan ini tidak mampu untuk terus menerus mengumpulkan sumber, menguruskannya dan bergerak ke arah matlamat yang hendak dicapainya.

Sebaliknya, pendukung pendekatan ini menegaskan perlunya ada organisasi formal bagi menggerakkan sumber. Antara lain Jenkins misalnya menyebut,

...the basic resource mobilization model: rational actions oriented towards clearly defined, fixed goals with centralized organizational control over resources and clearly demarcated outcomes that can be evaluated in terms of tangible gains
(1983:549, penekanan saya)

Ini dapat diperhatikan pada kajian lain yang melihat penyatuan tenaga manusia dan sumber lain sebagai memenuhi pendekatan mobilisasi sumber sepertimana yang dilakukan oleh Zhao (1998) misalnya. Kajiannya adalah ke atas gerakan pro-demokrasi di Beijing pada tahun 1989. Beliau menggunakan pendekatan mobilisasi sumber bagi menjelaskan bagaimana gerakan pelajar di bandar raya itu berjaya mengadakan tunjuk perasaan dalam persekitaran yang tidak membolehkan sebarang gerakan protes diadakan di negara China.

Pendekatan mobilisasi sumber berguna untuk menjelaskan fenomena pergerakan pelajar di sana kerana keunikan ekologi gerakan itu sendiri - iaitu ekologi kampus universiti yang dipisahkan daripada dunia luar oleh satu tembok besar. Di dalam kampus-kampus tersebut bilangan pelajar yang ramai dan perhubungan yang

terhad kepada kawasan kediaman masing-masing membuka ruang untuk pelajar berhimpun dan membina kumpulan-kumpulan kecil yang berinteraksi - walaupun secara terhad - tetapi berkesan tanpa gangguan daripada pihak berkuasa terutama mereka di luar tembok kampus itu sendiri. Kumpulan-kumpulan ini dapat membentuk organisasi yang mempunyai struktur tetapi sukar dikesan oleh pihak berkuasa di luar kampus. Ekologi kampus itu sendiri dan keahlian yang terhad kepada pelajar semata-mata membolehkan sumber-sumber digerakkan untuk mencapai cita-cita demokrasi yang dihasratkan oleh para pelajar.

Oleh kerana keadaan yang sama tidak terdapat pada gerakan reformasi di Malaysia, pendekatan mobilisasi sumber boleh menjelaskan bagaimana perasaan-perasaan yang terpendam akibat perkembangan politik pasca pemecatan Anwar pada 2 September 1998, dikristialisasi dalam bentuk satu gerakan yang longgar dan informal yang digelar sebagai 'reformasi'. Gerakan 'reformasi' lebih berbentuk slogan penyatu bagi anggota masyarakat yang terkilan dengan tindakan ke atas Anwar. Walaupun Anwar sendiri menggariskan prinsip-prinsip 'reformasi'nya dalam deklarasi Permatang Pauh namun 'gerakan' itu sendiri tidak mempunyai keahlian yang jelas²⁹

Tujuan kajian bukan untuk meneliti secara khusus fenomena 'reformasi' tersebut. Rujukan kepadanya hanyalah untuk melihat kenapa ia boleh muncul dan andaian dibuat bahawa ini adalah kerana nilai-nilai masyarakat telah dipertegaskan semula. Pendekatan mobilisasi sumber dikira memadai untuk menjelaskan bagaimana gerakan tersebut berjaya dibentuk.

28 - Salah satu organisasi yang dikaji menggunakan pendekatan ini ialah MADD (Mothers Against Drunk Driving) seperti yang dibuat oleh McCarthy dan Wolfson (1996)

Ciri-ciri utama pendekatan mobilisasi sumber

Menurut Jenkins (1983:549), pendekatan ini menjalinkan kepentingan dengan pengumpulan sumber,

The central concern of the mobilization model is the link between collective interests and pooling of resources. Collective interests are assumed to be relatively unproblematic and to exist prior to mobilization, instead of being socially constructed and created by the mobilization process

Pergerakan sosial wujud untuk melakukan perubahan pada institusi di samping cuba mengubah elemen-elemen dalam struktur sosial atau cara ganjaran diagih dalam masyarakat (McCarthy dan Zald, 1977: 1218). Ia melibatkan proses-proses yang menyebabkan kumpulan berkenaan menggembelng sumber dan menggerakkannya ke arah perubahan sosial (Jenkins, 1983:533)

Satu lagi ciri penting ialah perlunya ada sumber yang boleh dimanfaatkan. Antara jenis sumber yang disenaraikan oleh beberapa sarjana ialah wang, kemudahan, buruh dan legitimasi (McCarthy dan Zald, 1977:1218), tanah, buruh, modal dan kepakaran teknikal (Tilly, yang disebut dalam Jenkins 1983:533) dan terdapat juga sumber yang dibahagi kepada sumber berbentuk fizikal dengan sumber berbentuk kepakaran pengurusan (Freeman, yang disebut dalam Jenkins, 1983:533).Ciri lain ialah keperluan kepada organisasi.

Oleh itu, pendekatan mobilisasi sumber akan digunakan di sini dalam konteks menjelaskan bagaimana perasaan yang terpendam diluahkan menerusi pergerakan tidak formal yang dikenali sebagai gerakan reformasi selepas terjadinya peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim daripada Kerajaan dan parti politik yang dianggotainya.

2.4 Penentangan dan Senjata Golongan Lemah

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat hubungan di antara nilai dan tingkahlaku politik di mana tingkahlaku tersebut diperhatikan pada pilihan raya umum 1999. Selain tingkahlaku yang difokuskan kepada pola pengundian semasa pilihan raya dijalankan, tingkahlaku umum yang berkaitan dengan politik sebelum dan selepas pilihan raya tersebut turut diberi perhatian. Kesemua tingkahlaku tersebut mempunyai kaitan langsung dengan dan menjadi suatu manifestasi nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat yang dikaji.

Bagi menjelaskan fenomena nilai dan kaitannya dengan tindakan, teori yang dikemukakan oleh James C Scott (1985) digunakan. Ia boleh menjelaskan persoalan mengenai 'kenapa' dan 'bagaimana' - kenapa sesuatu tindakan diambil dan bagaimana ia telah dimanifestasikan. Nilai yang dipegang itu dimanifestasikan dalam bentuk tindakan.

Scott dalam bukunya *Weapons of the Weak: Everyday forms of Peasant Resistance* menjelaskan fenomena penentangan atau protes yang dilakukan oleh golongan yang lemah terhadap golongan yang kuat dan berkuasa. Ini bermakna penentangan melibatkan dua pihak - pihak yang kuat, berkuasa dan memiliki sumber dengan pihak yang lemah, tidak berkuasa dan tidak mempunyai apa-apa. *Siapakah yang kuat dan lemah serta cara penentangan dilakukan dijelaskan lagi di bawah*¹⁰

Penjelasan beliau adalah mengenai penentangan dan bagaimana ia dilakukan iaitu melalui penggunaan 'senjata-senjata' tertentu oleh golongan lemah bagi menghadapi golongan yang kuat. Ia adalah berlatarbelakangkan keadaan sosio-

29 - Lihat halaman 87

ekonomi yang terdapat di tempat kajian di mana kedua-dua pihak yang disebutkan itu wujud.³¹

Teori ini menjelaskan kajian beliau selama dua tahun (1978-1980) mengenai keadaan sosio-ekonomi petani di sebuah kampung di negeri Kedah. Penemuan-penemuan kajian menunjukkan bagaimana dasar baru yang diperkenalkan oleh pemerintah turut membawa kepada perubahan dalam kedudukan dan hubungan sosio-ekonomi di kalangan penduduk terbabit sehingga mencetuskan konflik antara mereka berdasarkan status sosio-ekonomi yang telah berubah.

Keadaan 'pertentangan' antara dua kelompok ini adalah terhasil setelah beberapa ciri khusus wujud terlebih dahulu. Ciri-ciri ini menjurus kepada menjawab soalan-soalan 'kenapa' dan 'bagaimana' - iaitu kenapa dan bagaimana fenomena pertentangan tersebut terjadi. Ia juga menjelaskan kenapa hanya senjata-senjata tertentu sahaja digunakan bagi menghadapi golongan yang lebih kuat.

Dalam melihat pertentangan ini faktor utama yang diperhatikan ialah kewujudan dua kelompok yang masing-masing mempunyai kepentingan-kepentingan tersendiri. Kepentingan yang dipelihara ini mewakili status sosio-ekonomi yang tidak seimbang dan bertentangan antara satu dengan yang lain. Kelompok pertama di satu pihak dicirikan sebagai kelompok yang kuat, berpengaruh dan berstatus tinggi (atau kaya) manakala kelompok kedua di pihak yang lain dicirikan sebagai lemah, tidak mempunyai pengaruh dan berstatus rendah (atau miskin). Setiap satu ciri ini diperincikan lagi - bagaimana yang kuat dilihat sebagai kuat dan yang lemah dilihat

30 - Konsep 'senjata orang lemah' dan 'golongan tanpa kuasa' (*powerless*) serta protes turut dibicarakan oleh pengkaji dan penulis lain. Lihat antara lain Havel (1991) Stenson (1970) Piven & Cloward (1977) Halim Salleh (1993) dan Kartodirjo (1973). Ada penulis yang tidak menamakan protes atau penentangan rakyat seperti ini sebagai penentangan golongan lemah atau yang tidak berkuasa namun keadaan penentangan dapat dilihat sebagai penentangan golongan lemah yang menggunakan 'senjata golongan lemah' (*weapons of the weak*).

sebagai lemah iaitu menerusi ideologi yang dipegang oleh pihak masing-masing - dan diterjemahkan dalam perbualan harian.

Disebabkan perbincangan ditumpukan terhadap golongan atau kelompok yang lemah perbincangan di sini lebih banyak menyentuh kelompok tersebut. Golongan yang lemah dilihat sebegitu rupa bukan kerana mereka lemah dari segi psikologi atau spiritual tetapi lemah kerana berhadapan dengan keterbatasan dalam memiliki cara atau kaedah untuk menghadapi tekanan-tekanan yang agak hebat mereka terima daripada pihak lawan iaitu golongan yang kuat.

Scott mula-mula menceritakan apa yang berlaku antara dua puak yang bertentangan ini di mana setiap puak diwakili oleh beberapa watak yang menggambarkan pihak 'yang kuat' dan 'yang lemah'. Malah nama-nama samaran yang digunakan bagi watak-watak di kedua-dua belah pihak turut mempunyai makna simbolik yang menggambarkan pertarungan ideologi kuat-lemah ini.³²

Selepas itu dalam menganalisis pertentangan antara dua pihak ini beliau turut mengemukakan sifat pertentangan tersebut secara menyeluruh dengan menghuraikan aspek-aspek politik, ekonomi dan sosial yang tersirat di sebaliknya. Teori ini dapat menjelaskan fenomena tingkahlaku antara individu atau antara kumpulan yang mempunyai kepentingan-kepentingan yang bertentangan atau yang telah dipaksa oleh keadaan, dasar atau perkembangan untuk mempunyai kepentingan-kepentingan yang bertentangan itu.

Teras kepada teori 'pertentangan' dengan menggunakan 'senjata golongan lemah' ialah percubaan golongan lemah mengimbangi kedudukan, iaitu antara mereka dengan golongan yang kuat atau merapatkan jurang yang ada antara

31 - Penjelasan mengenai watak-watak tersebut dibuat di bawah. Lihat halaman berikut

mereka. Sementara itu yang kuat pula cuba mempertahankan kedudukan mereka (*status quo*) dengan memastikan golongan lemah tidak dapat merapatkan jurang antara mereka agar kedudukan golongan kuat tidak tercabar atau terancam.

Ia turut memperlihatkan bagaimana penentangan dilakukan di mana satu pihak berada dalam keadaan yang sangat dhaif dan hanya mampu menggunakan 'senjata' tertentu untuk berhadapan dengan mereka yang kuat. Golongan kuat pula dapat menggunakan kedudukan dan sumber yang dikuasai bagi meneruskan dominasi dan eksploitasi ke atas mereka yang lemah. Namun 'senjata' yang digunakan itu dapat memberi kesan dari segi mengundang tindak balas daripada pihak yang kuat.

Bagaimanapun suasana atau keadaan yang sesuai perlu terlebih dahulu wujud sekiranya pertentangan antara dua kelas/pihak dapat disaksikan. Dalam kajian Scott, persekitaran atau keadaan sosio-ekonomi itulah yang menjadi punca atau penyebab kepada pertentangan tersebut,

"As in so many other 'green revolutions' the rich have gotten richer and the poor have remained poor or grown poorer. The introduction of huge combine-harvesters in 1976 was perhaps the coup de grace, as it eliminated two-thirds of the wage-earning opportunities for smallholders and landless laborers. ... (Preface, xvii)

Penjelasan terhadap 'penentangan', 'senjata golongan lemah' dan fenomena protes secara amnya dibuat seterusnya.

2.4.1 Watak Kuat dan Watak Lemah serta Persekitaran bagi Penentangan

Bagi menggambarkan kelompok yang kuat dan lemah dalam masyarakat yang dikajinya itu, Scott memperkenalkan beberapa watak yang masing-masing mewakili kelompok yang kuat dan yang lemah itu.

Di pihak yang kuat antara watak-watak yang dipersembahkan ialah seperti Haji Jaafar, Haji Ayub (atau lebih dikenali sebagai Haji Broom), Haji Karut, Haji Merduk dan Haji Bakhil. Di pihak yang lemah pula watak utamanya ialah Razak, Samat, Nor, Pak Yah, Basir, Fazil dan Tok Mahmud. Kebetulan pula mereka didapati menjadi ahli kepada dua parti politik Melayu yang bertentangan iaitu UMNO dan PAS.

Salah satu watak utama di pihak yang lemah ialah Razak. Razak diperihal sebagai seorang yang terlampau miskin (papa kedana) dan menjalani keadaan hidup yang sangat dhaif,

Razak is the 'down and out' of the village; his house ... a collective humiliation for much of Sedaka (1985:2).

Di paksi yang bertentangan, ialah Haji Broom, seorang yang kaya namun juga dilihat sebagai bersikap keterlaluan dan ditolak oleh masyarakat,

his (Razak's) fellow outcast from the opposite end of the social pyramid (1985:13).

Beliau digambarkan sebagai seorang yang sangat kikir - sebab itu turut menjadi "outcast". Gelaran "Broom" sengaja diberi kepadanya kerana beliau akan 'menyapu bersih' apa sahaja tanah yang beliau terima sebagai cagaran sekiranya peminjam tidak dapat melangsaikan hutang kepadanya. Malah bagi masyarakat kampung beliau bukan sekadar lokek 'tapi haloba' (1985:17).

Beliau mempunyai rakan-rakan yang memiliki sifat-sifat yang agak sama dengannya iaitu Haji Merduk dan Haji Karut - dua lagi watak di sebelah 'orang

kaya'. Golongan lemah menggambarkan mereka sebagai Pak Haji-Pak Haji yang palsu,

*False and fake hajis who have made the voyage
to Mecca but whose conduct is anything but saintly (1985:19)*

Begitu juga dengan seorang lagi 'haji'- Haji Kadir yang digelar Kadir Ceti kerana memperoleh tanah daripada amalan yang amat dibenci iaitu amalan jual janji. Walaupun kaya tetapi beliau amat kikir dalam perbelanjaan,

*...eat the same tiny, bony fish from the paddy
fields that the poorest villagers ate of necessity (1985:21)*

Daripada kisah-kisah yang dibuat dan disebar oleh penduduk kampung terparlah satu gambaran simbolik tentang perimbangan kuasa yang cuba diusahakan oleh pihak-pihak yang terbabit (1985:22). Menurut Scott (1985:22),

*They amount to an exchange of small arms fire,
a small skirmish, in a cold war of symbols between the rich and
poor of Sedaka*

Cerita mengenai Razak dan apa yang dilakukannya sepertimana dilihat oleh mereka di sebelah 'sana' (orang kaya) seperti juga cerita mengenai Haji Broom yang dikisahkan pula oleh mereka di sebelah 'sini' (orang miskin) mewarnai senario pertentangan yang terdapat di kampung berkenaan. Cerita-cerita ini sebenarnya adalah simbolik bagi menerangkan keadaan dan tingkahlaku, ia dilihat sebagai 'teks sosial',

*Such stories... be read as a kind of social text on
the subject of human decency....(1985:23).*

Kedudukan yang berbeza bukan sekadar berlaku kerana faktor ekonomi malah turut disaksikan pada penguasaan pengaruh menerusi badan-badan formal yang diwujudkan untuk kaum petani di samping keahlian dalam parti politik.

Misalnya golongan kaya turut menguasai Pertubuhan Peladang (1985:128), sebuah institusi yang berperanan untuk kepentingan petani amnya. Dari segi politik mereka memegang jawatan dalam Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) selain menjadi ahli UMNO. Keanggotaan sebegini dilihat sebagai saluran atau mekanisme yang boleh memberikan kedudukan istimewa kepada mereka dari segi kuasa berbanding golongan lemah yang di samping tidak mempunyai penguasaan material, turut diketepikan kerana tidak mempunyai suara dalam badan-badan yang ditubuhkan oleh kerajaan, selain kebanyakannya pula menjadi ahli parti pembangkang, PAS. *Mengenai dimensi politik ini, iaitu persoalan politik UMNO-PAS akan diterangkan lagi di bawah.*

Selepas melihat latarbelakang kepada kejadian ‘pertentangan’ antara dua pihak, bagaimana pula ‘penentangan’ (*resistance*) itu sendiri dilakukan akan disentuh seterusnya. Seperti disebut oleh Scott,(1985:33)

...where institutionalized politics is formal, overt, concerned with systematic, de jure change, everyday resistance is informal, often covert, and concerned largely with immediate de facto gains

Penentangan dilakukan menerusi satu kaedah yang dikira paling berkesan untuk menentang pihak yang dianggap telah menganiaya atau menzalimi mereka. Terdapat terlalu banyak sebab untuk bertindak terhadap pihak yang dianggap

menekan golongan lemah. Sebahagiannya disebabkan oleh tekanan ekonomi tetapi sebahagian juga kerana tekanan politik.³²

2.4.2 Dimensi Politik dan Pengaruhnya terhadap Pertentangan Kuat-Lemah

Dimensi lain yang dibincangkan secara agak panjang oleh Scott ialah dimensi politik dibalik penentangan-penentangan yang dizahirkan. Politik tempatan turut membawa kepada 'perpecahan' dan 'penentangan' ini. Ini kerana hubungan antara politik dan ekonomi begitu rapat sekali, satu hubungan yang memberikan mereka yang berkuasa pengaruh di samping menguasai sumber-sumber ekonomi termasuk bantuan-bantuan kerajaan.

Misalnya kuasa dilihat bukan sahaja berada di tangan mereka yang berada, malah mereka ini juga menjadi ahli dan pemimpin UMNO lokal. Beberapa amalan atau tindakan mereka yang berkuasa di kampung-kampung menyebabkan pergeseran antara kedua-dua pihak menjadi lebih tajam,

The benefit available to UMNO members are substantial. For wealthy villagers membership may mean the opportunity to receive a taxi license, a small business loan, a permit to operate a small rice mill or a lorry or a local government job (Scott, 1985:131)

Scott turut menjelaskan betapa pentingnya kisah-kisah yang dipaparkan perlu difahami dari sudut mereka yang mengisahkannya - baik daripada pihak yang kuat mahu pun yang lemah. Ia merupakan satu usaha untuk memahami bagaimana kedua-dua pihak melihat permasalahan yang dihadapi. Ia turut

32- Malah kemungkinan sebabnya adalah juga kerana kombinasi faktor politik dan ekonomi. Akibat daripada perbezaan politik hubungan ekonomi antara dua pihak terbabit turut dipengaruhi. Pembincangan Scott mengenainya adalah dalam konteks agihan bantuan ekonomi di mana berlaku diskriminasi atas dasar politik.

mengatakan apa yang masing-masing merasakan ialah 'kebenaran', iaitu "*struggle over facts*"(Scott,1985:147) dan menentukan '*winners and losers*' (Scott,1985:147).

Pada dasarnya Scott melihat penentangan golongan lemah sebagai manifestasi konflik ideologi. Contoh yang diberi ialah mengenai pagar kayu yang dibina untuk menghalang jentera besar atau lori memasuki kawasan sawah untuk memungkah guni-guni yang telah diisi dengan padi. Sekiranya lori dibenarkan ia boleh menyebabkan individu petani miskin hilang satu sumber pendapatan yang penting. Sebaliknya, orang kaya tidak memerlukan pagar tersebut kerana mereka mahu menjimatkan kos pengangkutan membawa padi ke pekan; membayar petani miskin bagi kerja-kerja itu dikira lebih merugikan. Namun kerana pertentangan sengit antara dua pihak ini pagar tersebut telah dirobohkan juga suatu hari. Tindakan ini telah merugikan petani miskin,

kerana tidak patuh pada peraturan, akhirnya
pagar kayu itu diroboh (Scott,1985:215)

Contoh lain ialah dalam Rancangan Pemulihan Kampung (RPK). Melalui rancangan ini penduduk yang memerlukan boleh mendapat bantuan-bantuan kecil untuk membaik-pulih rumah mereka. Namun apa yang terjadi di sini ialah diskriminasi berdasarkan politik - mereka yang berkuasa (UMNO) tidak memberikan bantuan kepada yang miskin (golongan lemah) membaik-pulih rumah sepertimana mereka memberi kepada ahli mereka sendiri,

...highly partisan distribution of building materials under the government's village input scheme
...(Scott,1985:220)

Selagi wujud perbezaan dari segi status sosio-ekonomi yang diburukkan lagi dengan fahaman politik yang dimanipulasi untuk mengekalkan kuasa dan kedudukan ekonomi sesuatu pihak menerusi amalan diskriminasi, keadaan akan menjadi ideal untuk pertentangan antara dua pihak yang menduduki status sosio-ekonomi yang berbeza. Status tersebut berkebetulan pula selari dengan pegangan politik yang bertentangan - pihak lemah diwakili oleh PAS dan pihak kuat oleh UMNO.

Huraian di atas mengenai politik dalam masyarakat Melayu iaitu pergeseran politik antara UMNO dan PAS turut menjadi perhatian ramai sarjana lain. Antaranya Ratnam dan Milne (1967), Rogers (1975,1993), Kessler (1978), Shamsul (1986), Salleh Lamry (1988) dan Halim Salleh (1992). Konflik atau pergeseran tersebut perlu diteliti juga kerana penentangan golongan lemah terhadap yang kuat turut melibatkan aspek perbezaan fahaman politik. Selain itu perbezaan fahaman politik memberikan peluang kepada golongan yang mempunyai kuasa dan pengaruh dalam sistem politik itu untuk meletakkan diri mereka di posisi golongan yang kuat. Sebagai tindak balas golongan yang tidak berkuasa atau berpengaruh pula, yang secara otomatisnya menjadi golongan lemah, bangkit menentang golongan yang kuat tadi.

Cuma dalam kajian Scott, tumpuan diberi kepada proses pertentangan antara dua pihak yang dikelaskan sebagai 'kuat' dan 'lemah' dengan penekanan kepada perbezaan yang terdapat dari segi status ekonomi. Namun ini tidak bermakna bahawa dimensi politik diketepikan, malah, ia menjadi faktor penyumbang kepada keadaan yang memungkinkan pertentangan dalam masyarakat antara dua golongan ini. Hujah ini boleh diperkuatkan apabila diteliti beberapa pemerhatian yang dibuat sarjana lain. Misalnya, Shamsul (1986:96) menyebut,

It has been frequently stated that the distribution of the economic and non-economic projects has been, at most times, based on political and not economic criteria, which means particular villages could sometimes be allocated either few, token projects of no real benefit to the villages or none at all, if the villages concerned were labelled as sarang parti pembangkang....

Daripada apa yang dibicarakan, jelas menunjukkan bahawa selain masalah perbezaan taraf ekonomi dan eksploitasi oleh mereka yang kaya ke atas yang miskin, terdapat juga persoalan ideologi politik yang mempengaruhi tindakan anggota masyarakat sepertimana diutarakan oleh sarjana-sarjana yang disebut di atas. Namun dalam konteks kajian, persoalan kepartaian tidak menjadi penting kerana mereka yang menzahirkan protes bukan sahaja terdiri daripada ahli atau penyokong pembangkang tetapi terdapat juga penyokong kerajaan yang bertindak begitu atas sebab pemecatan Anwar.

2.4.3 Teras Teori 'Penentangan' dan 'Senjata Golongan Lemah'

Teras kepada teori yang dikemukakan oleh Scott ialah hubungan ekonomi yang dipengaruhi oleh kelas menimbulkan beberapa hubungan sosial baru dan hubungan-hubungan baru tersebut dimanifestasikan dalam bentuk penentangan,

...economic relations based on class gives rise to a set of social relations between the people and these relationships are manifested in 'resistance' (Scott, 1985:155)

Jenis-jenis "senjata" yang digunakan adalah pelbagai daripada bagaimana kata-kata disusun kepada tindakan-tindakan 'pukul curi' yang dikira dapat memberi kesan dan kelebihan kepada pihak yang lemah. Antara contoh senjata ialah

melambat-lambatkan kerja, meninggalkan tempat kerja tanpa sebab, berpura-pura patuh, mencuri, berpura-pura jahil, fitnah, melakukan sabotaj dan membakar premis/harta (Scott,1985:*Preface*,xvi) Selain itu dalam perbendaharaan kata mereka terdapat banyak perkataan yang boleh memberi aib kepada seseorang seperti 'kedekut, kikir, bakhil, berkira, lokek, tamak, keras hati, tangkai jering dan haloba, selain makan bunga, makan duit, makan kawan sendiri, makan tulang, makan peluh orang, tekan, kejam, peras, desak dan sesak'(Scott,1985:187). Antara senjata-senjata yang digunakan ialah kata-kata untuk menggambarkan bukan sahaja keadaan yang dialami tetapi juga agar penggunaannya memberi kesan ke atas pihak lawan supaya sedar perbuatan mereka yang tidak disenangi oleh golongan lemah.

Apa yang cuba dipaparkan oleh Scott ialah bagaimana dan bila hubungan sosial antara kelompok-kelompok masyarakat dikira akan menjadi kritikal. Ia terjadi apabila terdapatnya jurang ekonomi antara dua pihak yang cuba dipertahankan oleh salah satu daripadanya dengan menafikan peluang kepada pihak yang satu lagi.

Kedua, keadaan sedemikian menjelaskan bagaimana pula hubungan ini beransur-ansur menjadi tegang dan mencetuskan konflik. Konflik ini bukan konflik terbuka tetapi adalah konflik senyap-senyap yang dimanifestasikan melalui penggunaan senjata-senjata yang kecil (*small weapons*). Senjata-senjata kecil digunakan kerana ini sahaja yang mampu diperolehi dan digunakan oleh pihak yang telah dianiaya.

Dalam menjelaskannya, terbentangleh bukan sahaja fenomena penentangan tetapi juga jenis-jenis senjata yang digunakan. Selain itu ialah pemaparan leksikon kata-kata yang digunakan oleh kedua-dua pihak terbabit yang turut menggambarkan ideologi yang dipegang masing-masing. Misalnya penggunaan

mesin untuk melakukan kerja yang sebelumnya dibuat oleh manusia seperti yang diluahkan oleh Karim yang mewakili puak miskin,

Machines, Karim pointedly notes, do not ask for wages in advance nor do they expect to receive Islamic charity (zakat peribadi) over and above their wages. This is a point on which the well-to-do are silent (Scott, 1985:156)

2.4.4 Teori Penentangan, Penggunaan Senjata Golongan Lemah dan kaitannya dengan Kajian

Teori penentangan dan penggunaan senjata golongan lemah dapat menjelaskan bagaimana nilai yang dipegang dipertahankan oleh sesuatu puak, yang melihat diri mereka dianiaya. Cara ia dipertahankan ialah dengan menggunakan senjata-senjata tertentu yang hanya sesuai bagi golongan yang tidak mempunyai kuasa.

Teras kepada kajian ini ialah 'perubahan' yang diperlihatkan dalam pilihan raya umum 1999 merupakan manifestasi nilai yang dipegang oleh masyarakat. Tindakan pengundi Melayu pada ketika itu merupakan luahan perasaan tidak puas hati terhadap tindakan ke atas dan layanan yang diterima oleh salah seorang pemimpin mereka dalam parti pemerintah iaitu Timbalan Perdana Menteri waktu itu. Penjelasan kepada luahan perasaan itu boleh menggunakan teori penentangan yang dikemukakan oleh Scott dan beberapa tindakan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu sebelum pilihan raya, pada hari pengundian dan selepas itu menunjukkan bagaimana perasaan-perasaan diluahkan dan bagaimana penentangan dibuat iaitu dengan menggunakan senjata-senjata yang ada pada mereka termasuk kuasa undi.

Walaupun Scott mengkaji masyarakat Melayu luar bandar sedangkan kajian ini pula melihat fenomena politik di sebuah bandar raya Melayu, ini tidak bermakna hujah yang digunakan oleh Scott tidak boleh digunakan bagi menjelaskan fenomena anjakan sokongan daripada parti pemerintah. Ini kerana apa yang hendak diambil daripada teori Scott ialah bagaimana satu keadaan tidak seimbang antara dua pihak membawa kepada pertentangan dan seterusnya pertentangan ini menyaksikan penggunaan “senjata-senjata” tertentu oleh kedua-dua pihak bagi menghadapi satu sama lain. Akhirnya “senjata” golongan lemah yang paling ampuh - dalam kajian ini, undi - telah membawa kepada perubahan dalam keputusan pilihan raya.

Ini bermakna teori Scott boleh menjelaskan sebahagian besar daripada fenomena yang terjadi di Shah Alam, malah di tempat-tempat lain yang turut menyaksikan kemerosotan undi bagi BN dalam pilihan raya umum 1999. Perkembangan-perkembangan selepas pilihan raya terus memantapkan penentangan golongan lemah terhadap yang kuat. Teori Scott didapati perlu untuk mencerangkan persoalan nilai iaitu kenapa terjadi penentangan dan kenapa keputusan pilihan raya juga jauh berubah.

Sementara Scott menjadikan kedudukan ekonomi masyarakat sebagai punca kepada permasalahan yang timbul, kajian ini pula melihat puncanya pada aspek politik. Ini bermakna keadaan politik itulah yang menjadi latar belakang kepada pertentangan antara dua pihak yang terbabit. Kemudian perkembangan politik seterusnya dicituskan oleh tindakan-tindakan yang menyentuh nilai politik orang Melayu. Dalam usaha mempertahankan nilai-nilai tersebut terjadilah tindakan penentangan oleh golongan lemah.

Teori Scott ini berguna kepada kajian kerana ia memberikan peluang untuk menganalisis apa yang dikaji termasuk segala penemuan kajian dan bahan

kajian lain. Kewujudan dua pihak yang bertentangan amat jelas dalam fenomena politik yang terjadi pasca September 1998. **Kedua**, salah satu daripadanya, iaitu pemerintah mempunyai kuasa dan pengaruh yang besar sedangkan di pihak yang lemah tidak mempunyai kuasa dan pengaruh seperti itu. Ia juga berkait dengan masalah penguasaan sumber - banyak sumber dikuasai oleh pemerintah sementara penentangannya hanya boleh bergantung kepada apa disebut Scott sebagai, 'senjata golongan lemah'.

Teori Scott mengenai penentangan dan penggunaan senjata golongan lemah juga dapat menerangkan pertentangan yang tercetus akibat perkembangan sosio-ekonomi yang melahirkan status ekonomi yang berbeza dalam masyarakat. Akibatnya satu penentangan terjadi ke atas golongan yang dilihat sebagai kuat, berpengaruh dan memiliki sumber oleh golongan yang sebaliknya tidak mempunyai apa-apa dan berada dalam kelas ekonomi yang rendah.

Penentangan ini dimanifestasikan menerusi penggunaan senjata-senjata tertentu - yang dipanggil 'senjata golongan lemah' kerana mereka yang tidak mempunyai apa-apa dilihat sebagai lemah. Senjata-senjata ini sukar membawa perubahan radikal dan menyeluruh tetapi mampu memberi kesan jangka pendek dan membawa perubahan secara kecil-kecilan.

Dalam teori ini terdapat beberapa ciri yang dapat dikesan. **Pertama**, dua golongan yang mempunyai ideologi atau fahaman yang bertentangan didapati wujud. **Kedua**, kedudukan kedua-dua golongan tersebut adalah berbeza berdasarkan status ekonomi. **Ketiga**, terjadi usaha oleh mereka yang berkuasa dan berpengaruh untuk menekan golongan yang lemah agar kedudukan mereka (golongan berkuasa) tidak tergugat. **Keempat**, sebagai tindak balas golongan lemah bertindak menentang

golongan yang kuat dan kelima ialah penentangan (oleh golongan lemah) dilakukan menerusi senjata-senjata tertentu yang disebut sebagai 'senjata golongan lemah'.

Seperti juga dalam kes Scott dalam kajian ini terdapat dua golongan yang saling bertentangan yang cuba mempertahankan kedudukan masing-masing. Salah satu daripadanya - golongan lemah - menggunakan senjata-senjata tertentu yang mampu memberi kesan terhadap pertarungan yang terjadi dan salah satu natijahnya ialah sepertimana telah dizahirkan pada keputusan pilihan raya yang diadakan. Keputusan tersebut telah memberi kejutan kepada golongan yang berkuasa.

Persoalan lain yang perlu diperhatikan di sini ialah konsep-konsep yang digunakan bagi menjelaskan tindakan orang Melayu selepas peristiwa September 1998 itu. Dua konsep telah digunakan dalam kajian ini iaitu *protes* dan *penentangan* (dan juga pertentangan). Di samping itu terdapat konsep lain yang mempunyai makna yang hampir sama dengan protes iaitu sanggahan. Seperti yang telah dihuraikan di awal bahagian ini, berhubung dengan takrif protes, adalah jelas bahawa protes merupakan tindakan yang lebih bertenaga daripada sanggahan walaupun perbuatan menyanggah itu sendiri adalah sebahagian daripada proses protes itu sendiri kerana protes boleh dilakukan dalam banyak bentuk seperti yang telah dihuraikan di atas. Manakala penentangan pula merupakan protes yang berterusan kerana berdasarkan kajian Scott penentangan yang dilakukan oleh kaum tani itu berjalan untuk satu jangka masa yang panjang dan menyaksikan episod-episod protes sepanjang penentangan tersebut.

2.5 Kesimpulan

Penelitian terhadap budaya politik boleh memberi beberapa jawapan kenapa masyarakat bertindak untuk melakukan sesuatu yang mempengaruhi sistem

politik itu sendiri. Di dalam budaya politik terkandung nilai-nilai yang boleh dikatakan sebagai elemen-elemen utama yang menentukan apakah bentuk budaya politik yang akan terhasil nanti.

Perkembangan politik selepas peristiwa September 1998 - pemecatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO, Anwar Ibrahim, daripada kerajaan dan parti UMNO - menahirkan satu budaya politik yang mengalami pergolakan. Persoalannya ialah adakah budaya politik tersebut sudah berubah, sedang berubah atau perkembangan pasca pemecatan Anwar itu hanya sebagai manifestasi satu penegasan semula beberapa nilai yang terdapat dalam budaya itu?

Untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut kajian ini dijalankan agar mendapat bukti-bukti mengenai nilai-nilai dalam budaya orang Melayu yang memungkinkan terjadinya fenomena penentangan terhadap parti pemerintah iaitu selepas peristiwa September 1998 itu. Pemaparan nilai menjelaskan bukan sahaja kenapa penentangan itu terjadi tetapi turut memberi isyarat sama ada perubahan sedang berlaku atau tidak dalam budaya politik Melayu.

Pendekatan mobilisasi sumber menjelaskan bagaimana satu gerakan tidak formal boleh dengan secara tiba-tiba muncul sebagai manifestasi perasaan atau emosi yang mahu diluahkan dan bagaimana ia dapat menggembelng tenaga dan sumber yang kemudiannya dapat diarah kepada satu matlamat.

Sementara itu, teori penentangan yang dikemukakan Scott menjelaskan pula bagaimana fenomena yang sama, iaitu penentangan, terjadi dalam konteks orang Melayu bandar. Ia juga menjadi asas kepada penjelasan yang dibuat dalam kajian ini mengenai penggunaan "senjata-senjata" tertentu oleh golongan yang dilihat sebagai lemah. Senjata-senjata ini akhirnya membawa kepada satu keputusan yang

mengejutkan dalam pilihan raya umum 1999 bagi pihak parti pemerintah khususnya UMNO.